

NILAI MURNI DAN PENGAJARAN DALAM TEKS  
DRAMA *DUNIA BELUM KIAMAT* DAN *MENUNGGU  
LAMPU HIJAU*

NOR SYUHADA BINTI MAT DAUD

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

NILAI MURNI DAN PENGAJARAN DALAM TEKS  
DRAMA *DUNIA BELUM KIAMAT* DAN *MENUNGGU  
LAMPU HIJAU*

NOR SYUHADA BINTI MAT DAUD  
C18A0226

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBRUARI 2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



TERBUKA


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga  
\_\_\_\_\_



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

980709035814

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 1/3/2022

Tandatangan

ENCIK SUDIRMAN BIN KIFFLI

Nama Penyelia

Tarikh: **2 Mac 2022**

**SUDIRMAN KIFFLI**  
Penyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Wawasan  
Universiti Malaysia Kelantan

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkat-Nya dapatlah saya menyiapkan laporan projek penyelidikan ini dengan tempoh yang ditetapkan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian. Di sini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada penyelia projek penyelidikan saya ini iaitu, Encik Sudirman bin Kiffli di atas sumbangan, tunjuk ajar dan sokongan beliau kepada saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini berjalan dengan lancar dan siap dengan jayanya.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi Mat Daud bin Mat Yacob (ayah), Selamah binti Jusoff (ibu) dan adik-beradik saya di atas sokongan dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Di samping itu, ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana sudi membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam melakukan projek penyelidikan ini. Semoga segala usaha ini diberkati oleh Allah SWT.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk saya menyiapkan laporan projek penyelidikan ini. Di samping itu, sekalung penghargaan kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan yang memberi peluang kepada saya untuk melakukan kajian projek penyelidikan ini. Dengan demikian, diharapkan projek penyelidikan ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji akan datang dan kegunaan masyarakat. Sekian, terima kasih.

---

Nor Syuhada Binti Mat Daud  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Kelantan  
2022/1443H

---

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>PERAKUAN TESIS</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ISI KANDUNGAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Organisasi Kajian	11
1.9 Kesimpulan	11
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian Lepas	14
2.3 Organisasi Kajian	26
2.4 Kesimpulan	26
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	29

3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif	31
a) Kaedah Analisis Teks	31
b) Kaedah Pengumpulan Data	32
c) Kaedah Kepustakaan	33
d) Kaedah Internet	34
3.2.2 Penerapan Teori	35
a) Teori Sosiologi	37
b) Pendekatan Teori Fungsionalisme	39
i. Emile Durkheim	41
ii. Herbert Spencer	42
iii. Malinowski Dan Radcliffe-Brown	43
3.3 Organisasi Kajian	43
3.4 Kesimpulan	44
<b>BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1 Pengenalan	45
4.2 Nilai Murni Dan Pengajaran Dalam Teks Drama <i>Dunia Belum Kiamat</i> Dan <i>Menunggu Lampu Hijau</i>	
4.2.1 Nilai Murni	
a) Nilai Baik Hati	45
b) Nilai Tolong-Menolong	47
c) Nilai Toleransi	48
d) Nilai Pemurah	48
e) Nilai Kasih Sayang	49
f) Nilai Rajin	50
g) Nilai Tanggungjawab	51
h) Nilai Bijaksana	52
i) Nilai Berdisiplin	52

j) Nilai Bersyukur	53
4.2.2 Pengajaran	
a) Saling Membantu	54
b) Saling Menolong	54
c) Berfikiran Terbuka	55
d) Memelihara Hubungan	55
e) Taat/Patuh	56
4.3 Kesan Yang Diperoleh Melalui Nilai Murni Dan Pengajaran Yang Terdapat Dalam Teks Drama <i>Dunia Belum Kiamat</i> Dan <i>Menunggu Lampu Hijau</i>	
4.3.1 Melahirkan Rasa Keinsafan Dalam Diri	57
4.3.2 Dapat Menyatukan Hubungan Silaturahim Sesama Manusia	58
4.3.3 Mengajar Diri Sentiasa Berbuat Baik Sesama Insan	60
4.3.4 Memberi Iktibar Kepada Orang Lain	61
4.3.5 Dapat Menjaga Ilmu Dan Keperibadian Diri	63
4.3.6 Mempelajari Sesuatu Yang Baru Dari Luar Jangkaan Manusia	65
4.4 Perbezaan Nilai Murni Dan Pengajaran Dalam Konteks Sastera	66
4.4.1 Ciri Fizikal Nilai Murni Dan Pengajaran	67
4.4.2 Cara Untuk Mengenalpasti Nilai Murni Dan Pengajaran	69
4.4.3 Penggunaan Ayat Atau Bahasa	70
4.5 Kesimpulan	71
<hr/>	
<b>BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	72
5.2 Rumusan Kajian	72
5.3 Cadangan Kajian	73
5.3.1 Cadangan Kepada Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)	74
5.3.2 Cadangan Kepada Pelajar	74
5.3.3 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	75

5.4 Kesimpulan


75

**RUJUKAN**


**77**



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



# NILAI MURNI DAN PENGAJARAN DALAM TEKS DRAMA *DUNIA BELUM KIAMAT* DAN *MENUNGGU LAMPU HIJAU*

## ABSTRAK

Drama ialah satu bentuk kesusasteraan yang mempunyai bahagian yang dilakonkan. Perkataan drama juga berasal daripada bahasa Greek yang bermakna tindakan. Menurut Mana Sikana (2016: 3), drama adalah wahana dan wacana manusia memperagakan dirinya, mencitrakan kisah hidup dan bayangan masa silam, serta renungan masa hadapan. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*. Kajian ini juga adalah untuk mengkaji kesan yang diperolehi daripada nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*, dan mengkaji perbezaan antara nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera. Selain itu, kajian ini juga turut dijalankan kerana mendapati kurangnya kajian terhadap nilai murni dan pengajaran ini yang dilakukan oleh pengkaji sebelumnya. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori sosiologi melalui pendekatan fungsionalisme bagi menganalisis maklumat-maklumat yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai nilai murni dan pengajaran yang telah dikenalpasti dalam kedua-dua teks drama ini dimana ianya juga memberi kesan yang baik dan positif kepada pengkaji dalam meneruskan kajian ini. Oleh itu, kajian sebegini diharapkan dapat dijadikan contoh dan juga sumber rujukan kepada pengkaji akan datang untuk melakukan kajian-kajian berkaitan dengan lebih baik lagi disamping nilai murni dan pengajaran yang diperolehi ini dapat menjadikan generasi muda di luar sana seorang yang berkeperibadian mulia.

**Kata kunci:** nilai murni, pengajaran, Teori Sosiologi, teks drama, pendekatan fungsionalisme.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PURE VALUES AND LESSONS IN THE TEXT OF *DUNIA BELUM KIAMAT* AND  
*MENUNGGU LAMPU HIJAU***

**ABSTRACT**

*Drama is a form of literature that has a part acted out. The word drama also comes from the Greek word meaning action. According to Mana Sikana (2016: 3), drama is the vehicle and discourse of human beings displaying themselves, depicting life stories and shadows of the past, as well as reflections on the future. This study was conducted to identify the values and lessons found in the text of the drama *Dunia Belum Kiamat* and the text of the drama *Menunggu Lampu Hijau*. This study is also to examine the effects derived from moral values and teachings found in the text of the drama *Dunia Belum Kiamat* and *Menunggu Lampu Hijau*, and to examine the differences between moral values and teachings in a literary context. In addition, this study was also conducted because it found a lack of research on these values and teachings conducted by previous researchers. Through this study, researchers have used sociological theory through a functionalist approach to analyze the information obtained through this study. The results of this study found that there are various values and lessons that have been identified in both texts of this drama which also has a good and positive effect on the researcher in continuing this study. Therefore, it is hoped that such a study can be used as an example and also a source of reference for future researchers to conduct related studies better in addition to the noble values and lessons learned can make the young generation out there a noble personality.*

**Keywords:** *pure value, teaching, Sociological Theory, drama text, functionalism approach*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan menurut Ali Ahmad (1997:3), ialah definisi kesusasteraan selalunya dihubungkan dengan asal usul perkataan kesusasteraan. Perkataan “sastera” berasal daripada bahasa Sanskrit *castra*, yang disebut *syastra* iaitu yang bermaksud kitab suci. Susastra memberi erti seni sastera atau seni bahasa, dan secara umumnya dimaksudkan persuratan. Kesusasteraan dalam bahasa Melayu menurut Harun Mat Piah (2000:1), sama ertinya dengan literature dalam bahasa Inggeris. Kata literature dalam bahasa Inggeris berkembang daripada kata Latin iaitu *Literatura* yang berasal daripada kata *litera* yang bermakna kata atau abjad (letter). *Literatura* itu sendiri adalah terjemahan daripada kata Yunani *grammatika* yang berasal daripada kata *gramma* yang juga bermakna huruf atau abjad. Dalam bentuk asalnya kata *literatura* digunakan untuk tatabahasa dan puisi. Oleh itu, seorang literatus adalah orang yang mahir dalam tatabahasa dan puisi. Namun begitu, makna literature dalam bahasa Eropah moden bukan sahaja merujuk kepada tatabahasa dan puisi tetapi merangkumi segala sesuatu yang bertulis atau penggunaan bahasa dalam bentuk yang bertulis.

Menurut Hashim Awang (1987), kesusasteraan itu adalah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Ia mungkin dituturkan iaitu disebut sastera lisan dan yang ditulis disebut sastera tulisan. Di samping itu, sastera juga memiliki keindahan dalam aspek-aspek isi atau daya pengucapannya. Selain itu, menurut Syed Ali Ashraf (1989), sastera bukan sahaja satu bentuk ilmu yang berseni tetapi ianya merangkumi segala aktiviti manusia yang kreatif. Karya-karya sastera juga memaparkan perutusan, amanat serta lontaran idea dan fikiran pengarang. Hasil

karya itu mencerminkan gagasan dan idea seseorang itu dalam menghasilkan karya mereka yang tersendiri.

Kesusasteraan Melayu ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu sastera Melayu tradisional dan sastera Melayu moden. Sastera Melayu tradisional merupakan karya-karya yang telah diwarisi secara turun-temurun. Sastera tradisional disebarluaskan melalui lisan dan memberi gambaran cara hidup atau budaya sesuatu masyarakat. Ia bersifat kolektif atau hak milik bersama. Tiada sesiapa yang tahu siapa pengarangnya dan tidak diketahui tarikh sesuatu sastera itu dihasilkan. Ianya lahir di kalangan masyarakat masa lampau dan disampaikan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi yang lain kerana pada umumnya masyarakat pada zaman tersebut masih belum mengenal huruf dan tidak tahu menulis. Penyebaran sastera Melayu tradisional juga terhad disebabkan khalayak yang terbatas dan bersifat eksklusif. Sastera Melayu tradisional ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu prosa dan puisi tradisional.

Seterusnya, sastera Melayu moden adalah mempunyai ciri-ciri yang berlainan dengan sastera Melayu tradisional. Jika sastera Melayu tradisional tersebar melalui lisan, maka sastera Melayu moden pula disebarluaskan melalui tulisan. Penyebaran hasil-hasil sastera yang berbentuk tulisan ini semakin berkembang dengan kehadiran mesin cetak. Penyebaran ini semakin meluas dan berjaya menembusi masyarakat pembaca yang ramai. Ini berbeza dengan sastera tradisional yang hanya diketahui oleh golongan tertentu sahaja. Jika sastera Melayu tradisional terhad kepada sesebuah masyarakat tertentu sahaja yang bersifat eksklusif, sastera Melayu moden pula merupakan sebaliknya. Ianya bersifat individu atau perseorangan kerana disertakan dengan nama pengarangnya. Ianya tidak lagi bersifat kolektif atau kepunyaan umum tetapi khusus dimiliki oleh pengarangnya. Bahkan sastera Melayu moden mempunyai sistem hak cipta terpelihara. Sastera Melayu moden juga terbentuk daripada dua iaitu prosa dan puisi moden. Prosa

moden terdiri daripada cerpen, novel dan drama, manakala puisi moden adalah sajak.

Oleh itu, melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah jelas menunjukkan bahawa pengkaji menjalankan suatu kajian ke atas sastera Melayu moden melalui prosa moden iaitu genre drama. Siti Hajar Abdul Aziz (2011) menyatakan drama berasal daripada perkataan dalam bahasa Yunani iaitu *droamai* yang membawa maksud bertindak balas. Drama ialah satu ilmu sastera yang mempunyai bahagian yang dilakonkan. Perkataan drama juga berasal daripada bahasa Greek yang bermaksud tindakan. Menurut Mana Sikana (2016: 3), drama adalah wahana dan wacana manusia memperagakan dirinya, mencitrakan kisah hidup dan bayangan masa silam, serta renungan masa hadapan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Jules Henry (1975) mendefinisikan nilai sebagai sesuatu yang dikira baik seperti kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, keseronokan, kejujuran dan lain-lain lagi. Raths, Harmin dan Simon (1980) telah merumuskan nilai sebagai sebuah garis panduan umum terhadap sesebuah tingkah laku. Garis panduan ini telah memberikan satu arah kepada kehidupan seseorang atau anggota sesuatu masyarakat. Masyarakat Melayu dikatakan mempunyai cara tersendiri dalam mendidik masyarakatnya untuk menghayati nilai. Penghayatan nilai ini bukannya disampaikan secara terang-terangan, akan tetapi ianya disampaikan secara halus melalui drama, novel, pantun dan sebagainya.

Definisi drama menurut pandangan Mohamad Nazri Ahmad (2000: 16) adalah sesuatu penghasilan yang diciptakan daripada peniruan dalam sesebuah masyarakat. Skrip-skrip drama yang diolah berpandukan kepada kan peristiwa-peristiwa yang dikhayal, difikir atau dialami oleh pengarangnya. Drama ini juga

merupakan sebuah genre sastra Melayu yang wujud pada zaman moden sekaligus bersama dengan genre sastra seperti sajak, puisi, dan lain-lain. Drama ini kebanyakannya lebih diminati dalam kalangan masyarakat pada masa kini kerana kandungannya yang boleh menarik perhatian dan menjadi daya tarikan pembaca dan penonton. Drama juga berasal daripada penulisan teks atau penulisan skrip yang dibaca dan dihayati oleh pembaca. Namun, terdapat juga drama teks yang diadaptasi ke dalam filem, seperti drama televisyen, drama pentas atau dikenali sebagai teater, drama radio dan lain-lain. Selain itu, menurut Rahmah Bujang melalui bukunya *Drama Melayu Dari Skrip ke Pentas Edisi kedua (3-6)*, drama adalah sebagai satu bentuk seni yang bersifat dramatik. Drama juga adalah seni pengucapan dan seni persembahan. Beliau juga mengatakan bahawa drama adalah sebagai seni tontonan dan ia juga adalah seni yang mencakupi penglibatan dan usaha antara penggiat dengan penggemar. Oleh itu, dapat ditafsirkan bahawa drama ini adalah merupakan salah satu daripada aspek seni persembahan yang dijadikan sebagai tontonan kepada masyarakat yang terdiri daripada penggiat seni dan penggemar.

Selain itu, melalui drama teks ini pembaca dapat menghayati dan mengekspresikan situasi dan isi kandungannya ke dalam alam kehidupan mereka. Teks drama ini terbahagi kepada dua iaitu drama *realisme* dan drama *absurd*. Teks-teks drama yang dihasilkan ini juga dapat menarik perhatian pembaca untuk memahaminya dengan lebih jelas berkaitan isi kandungan yang disampaikan. Teks drama ini juga mempunyai susunan atau binaan plot yang teratur dan sempurna kerana melalui susunan plot ini pembaca dapat memahami kandungan cerita itu dengan jelas melalui makna tersurat dan tersirat yang cuba disampaikan.

Pada zaman moden ini, masyarakat lebih cenderung kepada drama pentas dan drama yang diadaptasikan ke dalam televisyen dan filem. Hal ini kerana, ianya senang untuk diakses dan didapati oleh mereka dengan adanya teknologi moden yang semakin canggih ini. Oleh itu, pentingnya drama teks ini kepada



generasi akan datang supaya kesusasteraan Melayu dapat diterapkan dalam diri mereka.

Drama teks umumnya mempunyai pelbagai unsur nilai murni dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Unsur nilai murni dan pengajaran ini juga sedikit sebanyak akan memberikan kesan positif kepada pembaca melalui teks drama ini. Melalui kajian ini, pengkaji mengkaji unsur nilai murni dan pengajaran dalam karya teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*. Kedua-dua drama ini merupakan sebuah karya tokoh sasterawan negara iaitu Hatta Azad Khan. Unsur nilai murni adalah perlakuan baik, tatasusila dan peradaban individu manusia dalam menjaga hubungan baik sesama manusia dalam kalangan masyarakat. Unsur pengajaran adalah suatu perutusan, peringatan atau pedoman yang baik yang diberikan dan ditimbulkan dalam suatu penyampaian cerita kepada masyarakat dan pembaca. Teks drama *Dunia Belum Kiamat* ini adalah merupakan suatu teks drama karya Azad Khan iaitu salah seorang tokoh sasterawan negara. Teks drama *Dunia Belum Kiamat* ini menceritakan berkaitan konflik kekeluargaan yang terjadi antara dua buah keluarga atau dua buah keturunan keluarga iaitu golongan miskin dan golongan kaya. Namun, hubungan antara mereka ini mendapat tentangan daripada keluarga golongan kaya yang mementingkan pangkat darjat dalam perhubungan. Oleh itu, melalui teks drama ini masyarakat dan pembaca dapat mengambil iktibar daripada cerita ini.

Teks drama *Menunggu Lampu Hijau* merupakan sebuah cerita yang berkisarkan tentang isu poligami dan alam perkahwinan yang melibatkan hubungan manusia dengan manusia yang lain. Merujuk kepada drama ini, terdapat pelbagai konflik antara keluarga dan keluarga, konflik antara manusia dengan manusia dan dengan dirinya sendiri. Konflik yang berlaku ini juga tidak lain tidak bukan adalah merujuk kepada konflik perkahwinan antara pasangan suami isteri yang juga sering berlaku dalam kehidupan kita masyarakat kini. Namun ianya merupakan sebuah adat

kebiasaan yang sering terjadi dalam era perkahwinan. *Menunggu Lampu Hijau* ini juga adalah berkaitan dengan seorang suami yang mendapat 'lampu hijau' selama tiga hari daripada isterinya sebelum kematiannya. Oleh itu, cerita drama ini adalah sering berlaku dalam kehidupan masyarakat kita pada masa kini dimana sering berhadapan dengan masalah, isu poligami dan konflik dalam perkahwinan yang sering berlaku dalam pasangan dimana berlaku persefahaman dan lain-lain.

Kedua-dua teks drama karya Hatta Azad Khan ini merupakan sebuah cerita yang sangat berkesan dan berkualiti dalam kehidupan masyarakat kini. Oleh itu, pengkaji juga dapat menjelaskan dengan lebih jelas berkaitan konflik-konflik yang sering berlaku daripada kedua-dua drama ini. Namun begitu, melalui drama-drama ini juga pengkaji dapat merungkai dan mengenalpasti unsur nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam drama-drama ini dengan jelas dan berkesan.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Antara permasalahan yang sering timbul dalam kajian ini adalah masyarakat tidak cenderung kepada karya-karya teks drama yang dihasilkan oleh tokoh sasterawan negara kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan masyarakat kini terutamanya generasi muda tidak terlalu cenderung kepada karya-karya sasterawan negara yang dihasilkan terutamanya ahli sastera tempatan kita. Karya sastera ini sangat penting untuk dititikberatkan dan dijadikan sebagai suatu perkara yang dapat kita lakukan dalam kehidupan seharian kita. Terdapat pelbagai genre sastera yang dapat masyarakat jadikan sebagai pedoman dan hobi agar karya-karya sastera ini sering mendapat nama di pelosok dunia. Antara genre sastera lain adalah novel, cerpen, puisi, sajak, drama dan lain-lain. Melalui drama, masyarakat dapat menceburinya melalui drama televisyen iaitu sebuah adaptasi daripada drama teks. Melalui teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu*



*Hijau* ini adalah merupakan sebuah drama yang sarat dengan konflik yang berbeza yang sering berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat kita. Hal ini kerana, konflik-konflik ini adalah berlandaskan kepada keperibadian kita sebagai masyarakat dan ia juga secara zahirnya merupakan suatu nilai murni dan pengajaran yang dapat kita runkaikan melalui jalan cerita melalui drama-drama ini.

Selain itu, antara masalah yang sering dihadapi oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini adalah masyarakat secara umumnya tidak mengetahui unsur nilai murni dan pengajaran yang dapat dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan seharian mereka yang terdapat dalam teks drama yang diketahui dan dibaca oleh mereka. Unsur nilai murni dan unsur pengajaran ini merupakan sebuah perkara yang sangat baik dan seharusnya kita ambil sebagai satu perkara asas untuk kita amalkan dalam kehidupan seharian kita. Sebagai contoh, apabila kita melangkah ke alam perkahwinan kita seharusnya menunjukkan contoh teladan yang baik terhadap keluarga kita dan juga pasangan kita kerana sikap yang kita tunjuk dan kita amalkan dalam kehidupan seharian kita adalah merupakan cerminan diri kita yang sebenar. Oleh itu, unsur nilai murni dan unsur pengajaran adalah sesuatu perkara yang memberi kita ilmu kebaikan untuk kita amalkan ke dalam kehidupan kita seharian sebagai masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Seterusnya, masalah yang dihadapi oleh pengkaji adalah masyarakat tidak dapat membezakan dan menitikberatkan ilmu kefahaman berkaitan unsur nilai murni dan pengajaran ke dalam diri. Hal ini kerana, kedua-dua unsur ini merupakan suatu unsur yang sangat baik dan relevan dijadikan sebagai suatu asas kebaikan kita kepada masyarakat yang lain. Kita juga mestilah sentiasa menghormati sesama insan supaya hidup kita sentiasa diberkati dan sentiasa harmoni.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian dalam penyelidikan ini adalah:

- 1) Apakah nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*?
- 2) Apakah kesan atau impak yang diperolehi oleh masyarakat melalui unsur nilai murni dan pengajaran dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* teks drama *Menunggu Lampu Hijau*?
- 3) Bagaimana unsur nilai murni dan pengajaran dapat dibezakan dalam konteks sastera?

### 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif dalam menyelesaikan kajian ini. Antaranya adalah:

- 1) Untuk mengenalpasti unsur nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*.
- 2) Untuk mengkaji kesan yang diperolehi oleh masyarakat melalui unsur nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*.
- 3) Untuk mengkaji perbezaan antara unsur nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera.

### 1.6 Skop Kajian

Skop kajian adalah merupakan batasan pengkaji dalam melakukan kajian ini. Skop kajian ini adalah pengkaji menjurus kepada kajian untuk mengkaji atau menganalisis unsur nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama. Melalui unsur nilai murni dan pengajaran ini, pengkaji dapat menjelaskan dengan

lebih sistematik berkaitan penggunaan unsur ini dalam teks drama. Skop kajian ini juga tertumpu kepada teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* dalam menyelesaikan kajian ini. Hal ini kerana, melalui kajian ini pengkaji dapat mengkaji dengan lengkap unsur nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam drama ini. Skop kajian ini juga pengkaji ingin mengenalpasti kesan ke atas diri masyarakat yang mereka perolehi daripada unsur nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama ini. Akhir sekali, skop kajian ini adalah untuk mengkaji perbezaan nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera.

Selain itu, kajian ini juga hanyalah berfokus kepada kajian terhadap karya drama *Dunia Belum Kiamat* dan karya drama *Menunggu Lampu Hijau*. Kedua-dua drama ini adalah karya penulis Hatta Azad Khan yang merupakan tokoh sasterawan negara. Melalui kajian ini, pengkaji akan meneliti dan memperincikan dengan lebih jelas setiap maklumat berkaitan drama-drama ini yang melibatkan aspek sosial iaitu masalah yang terjadi antara kalangan masyarakat dalam drama ini dimana ia juga sering berlaku dalam kehidupan seharian kita. Kedua-dua drama ini juga sangat memberi impak baik kepada kajian penyelidikan pengkaji supaya dapat diselesaikan dengan baik dan jaya.

Akhir sekali, skop kajian penyelidikan ini adalah pengkaji berfokuskan kepada penggunaan teori sosiologi dalam menghasilkan dan menjalankan kajian penyelidikan ini. Hal ini kerana, melalui penggunaan teori sosiologi ini pengkaji dapat mendapatkan maklumat dengan terperinci disamping adanya penggunaan teori ini dalam menganalisis dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk memberi kesedaran dan peringatan kepada masyarakat bahawa teks drama ini juga penting dalam

mengekalkan karya kesusasteraan ke dalam diri generasi akan datang. Hal ini kerana, karya drama ini merupakan suatu karya atau teks yang dapat dibaca dan difahami serta diteliti dengan lebih jelas oleh masyarakat khususnya golongan muda supaya suatu hari nanti mereka dapat memberi ilmu pengajaran yang baik kepada generasi akan datang. Karya drama ini juga sangat penting untuk diterapkan dalam diri supaya elemen kesusasteraan tidak terhapus dalam diri masyarakat dan ianya dapat dikekalkan sampai generasi akan datang. Ia juga penting kerana, sastera Melayu ini dapat membendung dan menjadikan masyarakat itu sebagai seseorang yang berguna dan bermanfaat pada masa hadapan.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga adalah untuk membendung unsur nilai murni dalam diri masyarakat supaya dapat diterapkan dalam diri agar sentiasa menjadi insan yang berakhlak mulia. Nilai murni dan pengajaran ini merupakan dua unsur yang sangat baik dan sangat diterap oleh masyarakat pada masa dahulu, namun ianya semakin terhapus dek kerana golongan muda pada masa kini semakin terhapus dan lalai dengan adanya kemajuan teknologi yang semakin canggih. Unsur nilai murni dan pengajaran ini harus diterapkan supaya kita dapat mengelakkan daripada berlaku persefahaman dan konflik yang besar dalam kehidupan kita khususnya melibatkan keluarga. Oleh itu, kajian ini dilakukan oleh pengkaji supaya masyarakat kini dapat membendung dan menerapkan unsur nilai murni dan pengajaran dalam diri mereka setiap masa.

Akhir sekali, kajian ini juga sangat penting adalah untuk memupuk minat golongan muda supaya dapat menerapkan ilmu kesusasteraan dalam diri. Hal ini kerana, kajian berkaitan unsur nilai murni dan pengajaran ini sangat sesuai dijadikan sebagai suatu kajian untuk pengkaji akan datang. Kajian ini juga adalah untuk mengajak masyarakat supaya sentiasa mengamalkan kehidupan yang harmoni dan menghormati sesama kaum. Ia juga dikatakan demikian kerana, melalui kajian ini golongan muda khususnya akan mengambil iktibar dan pedoman daripada kajian

sebagai titik permulaan kepada perkembangan ilmu kesusasteraan dalam kehidupan masyarakat pada era globalisasi kini. Ia juga kerana, setanding dengan adanya kemajuan teknologi ini perkembangan kesusasteraan khususnya genre teks drama ini dapat diaplikasikan ke dalam dunia masyarakat setanding dengan dunia teknologi kini.

### 1.8 Organisasi Kajian

Organisasi kajian menerusi bab 1 ini adalah, pengkaji memperincikan dan menjelaskan secara satu-persatu berkaitan tajuk kajian ini. Menerusi bab 1, pengkaji telah memperincikan pengenalan berkaitan tajuk kajian iaitu berkaitan definisi drama, unsur nilai murni dan pengajaran dengan lebih jelas. Melalui bab ini dapat kita jelaskan bahawa unsur nilai murni dan pengajaran ini sangat diterapkan dalam teks karya-karya drama ini. Selain itu, melalui bab 1 ini juga pengkaji menjelaskan secara terperinci objektif kajian dan persoalan kajian ini adalah untuk mengkaji berkaitan unsur nilai murni dan pengajaran dalam karya drama. Seterusnya, pengkaji turut memperincikan berkaitan masalah dan kepentingan kajian ini dimana ianya sangat penting kepada golongan muda dan generasi akan datang untuk memanfaatkannya. Pengkaji juga turut menjelaskan berkaitan skop kajian ini iaitu kajian ini hanyalah berfokus kepada dua karya drama iaitu drama *Dunia Belum Kiamat* dan drama *Menunggu Lampu Hijau*.

### 1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini sangat penting terutamanya kepada generasi akan datang. Karya teks drama ini hendaklah dibendung dan dipelajari supaya generasi akan datang dapat menjadikan suatu ilmu kesusasteraan ini sebagai perkara asas dalam mempelajari ilmu bahasa dan peradaban Melayu. Teks drama

*Dunia Belum Kiamat* ini dapat mengajar kita supaya tidak mudah lupa asal usul dan sentiasa menghormati antara satu sama lain tidak kira miskin atau kaya. Hal ini kerana, kekayaan tidak dapat menjamin kebahagiaan melainkan rasa hormat dan nilai murni serta pengajaran diterapkan dalam diri kita sendiri.

Selain itu, melalui kajian ini juga, dapat dilihat daripada karya drama *Menunggu Lampu Hijau* iaitu berkisarkan tentang poligami dalam perkahwinan dan konflik yang berlaku antara manusia. Melalui kajian ini, pengkaji berharap bahawa generasi dan masyarakat kini dapat mengambil iktibar daripada masalah yang berlaku dalam kedua-dua drama ini dan tidak menjadikan ia sebagai titik tolak kepada emosi kita kepada golongan anak-anak muda dan keluarga. Oleh itu, kajian ini juga dilakukan supaya ianya dapat membantu generasi pengkaji akan datang untuk mereka menjalankan kajian mereka dengan baik dengan adanya maklumat yang jelas berkaitan kajian mereka dan dapat mereka jadikan sebagai contoh untuk kajian mereka.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian lepas merupakan suatu kajian yang berkaitan tajuk yang pengkajia jalankan yang dapat dijadikan sebagai rujukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan isi kajian. Melalui kajian ini, pengkaji mendapatkan artikel dan maklumat contoh-contoh berkaitan tajuk kajiannya adalah berkaitan unsur nilai murni dan pengajaran, kajian artikel berkaitan karya drama *Dunia Belum Kiamat* dan juga berkaitan karya drama *Menunggu Lampu Hijau*. Karya-karya drama teks ini merupakan hasil karya tokoh sasterawan negara iaitu Hatta Azad Khan yang telah berkecimpung dalam dunia drama dan sastera sejak dahulu lagi.

Selain itu, tajuk kajian yang pengkaji jalankan adalah untuk mengkaji unsur nilai murni dan unsur pengajaran yang terdapat dalam karya teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*. Kedua-dua teks drama ini merupakan karya Hatta Azad Khan. Melalui kajian ini, pengkaji telah merujuk beberapa kajian lepas berkaitan tajuk ini dan berkaitan kajian ini untuk menganalisis kajian ini dengan baik. Melalui kajian ini, terdapat beberapa kajian lepas yang menggunakan kajian yang hampir sama dalam menganalisis aspek kajian ini untuk menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya. Kajian lepas ini juga penting supaya kajian yang dijalankan itu dapat menjadi suatu kajian yang baik dan jelas serta sempurna dan sistematik dan tersusun kemas supaya senang dibaca dan dianalisis oleh pengkaji akan datang. Melalui kajian lepas ini juga, ianya merungkai secara terperinci berkaitan sesuatu tajuk kajian yang pengkaji-pengkaji lepas jalankan untuk memastikan kajian mereka itu jelas dan berkesan kepada pengkaji masa kini dan akan datang.

## 2.2 Kajian Lepas

Antara kajian lepas yang berkaitan unsur nilai murni dan pengajaran yang dianalisis dalam kajian artikel adalah kajian yang bertajuk “Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama *Muzikal Kampung Baru*”. Kajian artikel ini telah dihasilkan oleh Madzlan bin Abet pada tahun 2016. Melalui kajian ini, pengkaji telah melakukan kajian ini melalui pendekatan teori dengan menggunakan teori marxisme dengan pendekatan Model Pencerminan yang bertujuan untuk melihat pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama *Muzikal Kampung Baru*. Kajian artikel yang dihasilkan inia adalah bertujuan untuk mengkaji pemikiran dari aspek ekonomi, politik yang berlandaskan kepada unsur nilai murni dalam drama ini. Kajian analisis ini juga, pengkaji telah pergi ke kajian lapangan untuk menyiasat berkaitan penggunaan unsur nilai mruni dalam drama tersebut sebagaimana yang dijelaskan dalam teks. Pengkaji turut melihat dari aspek persekitaran masyarakat untuk menganalisis berkaitan nilai murni dalam kalangan penduduk kampung. Oleh itu, jelaslah bahawa, unsur nilai murni yang digunakan dan dianalisis dalam kajian ini sangat berkesan dan ekoran daripada keadaan persekitaran yang begitu sistematik.

Selain itu, antara kajian lepas yang berkaitan tajuk kajian pengkaji adalah yang dianalisis melalui kajian artikel adalah artikel bertajuk “Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm).” Kajian artikel ini dihasilkan oleh Norazri bin Mohd Zaidin pada tahun 2015. Artikel ini telah membincangkan berkaitan aspek nilai murni ini sangat ditekankan dalam kalangan pelajar untuk melahirkan generasi yang berakhlak mulia sewaktu proses pembelajaran berlaku. Kajian ini juga telah dilakukan oleh penulis melalui kajian pemerhatian dan soal selidik pelajar serta pensyarah dalam menerapkan nilai murni menghormati, bekerjasama dan



bertanggungjawab dalam kalangan mereka di KKTU tersebut. Oleh itu, melalui kajian ini, beliau juga menjelaskan bahawa dengan adanya keprihatinan terhadap penanaman nilai murni dalam diri pelajar akan meningkatkan lagi sahsiah diri mereka yang positif. Jelaslah bahawa, melalui kajian artikel ini dapat dijelaskan bahawa penerapan unsur nilai murni itu sangat penting dalam kalangan pelajar dan juga pensyarah ekoran zaman moden kini yang sangat mementingkan nilai hormat dalam kalangan pelajar dan pensyarah.

Di samping itu, antara kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk ini yang dapat dianalisis oleh pengkaji sebagai satu contoh kajian dapat dilihat melalui sebuah kajian artikel bertajuk "Falsafah Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Kumpulan Drama *Dunia Belum Kiamat*". Kajian ini adalah dilakukan dan dihasilkan pada tahun 2016 oleh pengkaji Roslina Abu Bakar, Arba'ie bin Sujud dan Nurul Ainabila Shuhaimi. Melalui kajian ini, pengkaji telah menjelaskan berkaitan falsafah dan pemikiran yang digunakan oleh Hatta Azad Khan iaitu penulis teks drama *Dunia Belum Kiamat* ini ke dalam drama ini. Kajian ini juga telah menjelaskan bahawa terdapat pelbagai aspek pemikiran yang diketengahkan ke dalam drama ini iaitu melibatkan keadaan dan situasi yang berlaku kini dalam masyarakat seharian kita. Antaranya adalah ianya berkaitan konflik yang berlaku daripada aspek sosial, ekonomi dan politik ke atas masyarakat dalam drama ini. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pengkaji berjaya merungkai aspek pemikiran yang diketengahkan ke dalam drama ini iaitu dimana aspek sosial, politik dan ekonomi tersebut amat erat hubungannya dengan aspek realisme dan masyarakat. Pengkaji juga mengatakan bahawa, genre drama ini dihasilkan adalah berperanan untuk memupuk dan membentuk jati diri falsafah serta perkembangan rohani, jasmani dan intelektual seseorang individu tersebut ke dalam dunia luar. Melalui drama ini juga, masyarakat dapat menitikberatkan aspek kebaikan melalui drama ini ke dalam diri mereka setiap individu masyarakat. Oleh itu, jelaslah bahawa, melalui kajian artikel ini ianya dapat membantu pengkaji

menyelesaikan kajian ini dengan jayanya dan membantu untuk mendapatkan lebih banyak maklumat berkaitan tajuk kajian yang dilakukan.

Seterusnya, kajian lepas berkaitan tajuk ini yang dapat dianalisis sebagai contoh kajian adalah dapat dilihat melalui kajian artikel yang bertajuk “Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-novel Remaja.” Kajian artikel ini telah dihasilkan oleh Jumali Hj. Selamat pada tahun 2001. Melalui kajian ini, beliau telah menjelaskan bahawa kajian ini dilakukan ke atas novel-novel remaja kerana ia merupakan suatu novel yang berkaitan dengan kehidupan remaja kini dan menjadi suatu tarikan untuk remaja membaca novel tersebut. Kajian ke atas novel ini berkait rapat dengan kesusasteraan Melayu yang semakin menjulang dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya golongan muda. Oleh itu, kajian ini sangat membantu dan berkesan kerana dapat menggarap unsur nilai-nilai murni dan pengajaran dalam diri kalangan masyarakat seperti membantu dalam membina keperibadian yang mulia, budi pekerti yang luhur, memupuk pemikiran yang matang dalam melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersemangat patriotisme serta bertanggungjawab kepada negara dan bangsa. Oleh itu, jelaslah bahawa, kajian ini sangat berkesan dan memuaskan dalam menganalisis aspek nilai murni dalam kalangan masyarakat melalui novel-novel remaja.

Selain itu, kajian lepas berkaitan tajuk ini yang dapat dianalisis sebagai contoh kajian adalah melalui kajian jurnal artikel yang bertajuk “Penghayatan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini.” Kajian ini dilakukan dan dihasilkan oleh Mohamad Khairi Hj Othman pada tahun 2015. Melalui kajian ini, pengkaji telah melakukan dan menganalisis kajian melalui beberapa tahap penghayatan nilai murni iaitu menunjukkan bahawa penghayatan nilai murni ini sangat sederhana tinggi dan memuaskan dalam kalangan masyarakat. Nilai murni yang dianalisis adalah meliputi nilai kebersihan, nilai kejujuran, nilai kerajinan, nilai berdikari dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini menjelaskan bahawa nilai murni ini

mendapat sambutan dan penghayatan yang baik daripada masyarakat ekoran daripada wujudnya era globalisasi kewujudan era baharu dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda iaitu pelajar sekolah terutamanya. Oleh itu, jelaslah bahawa, penghayatan nilai murni ini sangat penting dan berkesan dalam kalangan pelajar sekolah menengah ini disebabkan oleh pembelajaran dan pemupukan harian di sekolah oleh guru dan ibu bapa.

Seterusnya, melalui kajian ini antara kajian lepas yang dapat dijadikan sebagai contoh kajian untuk dianalisis berkaitan drama '*Menunggu Lampu Hijau*' adalah melalui kajian artikel yang bertajuk "Keunggulan Hatta Azad Khan dalam Monodrama *Menunggu Lampu Hijau*". Kajian ini telah dilakukan dan dihasilkan oleh pelajar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini telah dilakukan oleh pengkaji Nurul Sahirah Binti Nazaini dan Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah pada tahun 2020. Kajian ini dilakukan adalah dengan menggunakan pendekatan teori teksdealisme oleh pengkaji iaitu melalui penggunaan prinsip kehadiran iaitu untuk mengkaji sebagaimana kemampuan seseorang itu mampu membawa pelbagai watak dalam sebuah cerita tersebut. Hal ini kerana, kemampuan sebegini tidak ada pada semua orang. Melalui kajian ini juga, pengkaji menyatakan bahawa monodrama yang dilakukan oleh Hatta Azad Khan melalui drama *Menunggu Lampu Hijau* adalah sebuah hasil karya yang sangat hebat dan berkualiti kerana hasil drama yang dilakukan sangat mantap dan berkesan kepada semua pihak. Ianya juga sangat sampai dan mempunyai tapisan yang sangat berkesan, bermakna dan berkualiti untuk ditonton. Kajian drama ini juga sangat mendalam kerana ianya berkaitan dengan era perkahwinan zaman kini yang dilalui oleh setiap pasangan dan konflik yang mereka hadapi sangat terkesan dan memberi impak kuat melalui adanya kajian ini. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian berkaitan drama *Menunggu Lampu Hijau* ini sangat berkesan dan membantu pengkaji melakukan kajian dengan baik dan berkualiti.

Kajian lepas yang dapat dianalisis berkaitan karya drama *Menunggu Lampu Hijau* dapat dilihat melalui penulisan artikel bertajuk “Perspektif Wanita Terhadap Poligami Dalam Skrip Monodrama *Menunggu Lampu Hijau*’. Kajian ini telah dilakukan oleh pengkaji Bazilah Zawanah Amran dan Nur Afifah Vanitha Abdullah pada tahun 2021. Kajian penulisan artikel ini telah dihasilkan oleh pelajar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Setiap wanita dalam dunia ini tidak ada yang sanggup dipoligami atau dimadukan oleh suami mereka sendiri kerana melalui poligami ini banyak komitmen dan banyak perkara serta dugaan yang terpaksa kita lalui dalam kehidupan perkahwinan ini. Perkahwinan itu juga bukanlah suatu perkara yang mudah ditempuhi oleh setiap pasangan suami isteri dalam masyarakat kini. Kajian ini juga meneliti perspektif wanita terhadap isu poligami serta penerimaan dan penolakan wanita terhadap poligami dalam kehidupan perkahwinan mereka terhadap pasangan mereka. Oleh itu, melalui kajian ini dapat kita lihat bahawa poligami itu bukanlah suatu perkara yang mudah diterima dan dihadapi oleh setiap pasangan suami isteri di luar sana dalam kehidupan masyarakat kini.

Kajian lepas yang dapat dianalisis berkaitan karya drama *Menunggu Lampu Hijau* adalah dapat dilihat melalui penulisan artikel bertajuk “Enam Elemen Aristotle dalam Teater *Menunggu Lampu Hijau*”. Kajian ini telah dilakukan oleh pengkaji Nur Syafikah Mohamed dan Nur Afifah Vanitha Abdullah pada tahun 2020. Penulisan kajian ini dilakukan oleh pelajar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penulisan ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti enam unsur elemen berkaitan drama yang diterapkan oleh Aristotle ke dalam drama ini iaitu yang melibatkan penggunaan tema, plot, bahasa, watak dan perwatakan, muzik serta unsur kekaguman melalui drama *Menunggu Lampu Hijau* ini. Walau bagaimanapun, drama *Menunggu Lampu Hijau* ini merupakan sebuah drama yang berkisarkan tentang isu poligami dalam perkahwinan dan ianya sudah pasti mempunyai pelbagai plot yang dapat menarik minat penonton dan pembaca untuk drama ini. Watak dan

perwatakan merupakan suatu tunjang asas yang berjaya menggerakkan hasil cerita ini dengan lebih mendalam dan jelas dalam menyampaikan mesej kepada penonton teater drama ini. Permainan dan penggunaan muzik juga dapat dilihat sangat sesuai dengan tajuk dan jalan cerita yang dimainkan semasa berlakunya pementasan teater tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa, penulisan artikel ini boleh membantu pengkaji untuk melakukan kajian berkaitan drama ini dengan lebih berkesan serta mendapat sambutan kepada pengkaji lain.

Seterusnya, kajian lepas berkaitan karya drama *Menunggu Lampu Hijau* adalah kajian penulisan artikel bertajuk “Adaptasi Skrip ke Pentas: *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan”. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji Fathin Ezaty Md Sukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah pada tahun 2020. Kajian ini dihasilkan adalah untuk mengenalpasti bahawa berlakunya perbezaan dan persamaan antara jalan cerita melalui penulisan skrip dan juga adaptasi ke pentas. Hal ini kerana, kebanyakan drama yang diadaptasikan ke pentas atau teater ini sedikit sebanyak berlaku pengubahsuaian skrip daripada skrip asal yang ditulis dalam teks drama. Namun begitu, penghasilan ini sangatlah diterima pakai kerana olahan dan jalan ceritanya yang kebanyakan tidak mengubah makna asal sesuatu tema drama itu dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya dapat dilihat melalui pembawakan watak dan perwatakan ke dalam drama pentas ini serta plot dan tema yang dihasilkan dalam drama pentas ini. Penghasilan ini jua sedikit sebanyak mendapat kritikan baik dan juga sebaliknya namun ianya sangat mendapat sambutan masyarakat di luar sana berkaitan penghasilan drama monodrama *Menunggu Lampu Hijau* ini dibawa ke pentas teater. Jelaslah, ianya dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan baik.

Kajian lepas seterusnya yang dapat dikaitkan berkenaan kajian ini adalah penulisan artikel tesis yang bertajuk “Kritikan Sosial Filem *Talentine* (2009)”. Kajian ini adalah dihasilkan dan dilakukan oleh Umi Atkah binti Mohd Kamil, iaitu pelajar



daripada Universiti Malaya pada tahun 2017. Kajian ini terhasil adalah dilakukan bagi memenuhi kriteria sebuah penghasilan tesis dalam pembelajaran. Melalui kajian ini, pengkaji Umi Atikah menggunakan penerapan teori sosiologi ke dalam kajian ini. Melalui kajian ini, pengkaji adalah mengkaji kritikan sosial berdasarkan filem *Talentine* ini kerana ianya membincangkan berkaitan sifat positif dan negatif yang terdapat dalam filem ini. Pengkaji telah melakukan kritikan sosial melalui filem ini dalam dua aspek iaitu integrasi kaum dan budaya yang berpandukan kepada prinsip utama teori sosiologi sastera iaitu gambaran masyarakat. Oleh itu, jelaslah bahawa melalui penggunaan teori sosiologi ini dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan sempurna.

Selain itu, kajian lepas berkaitan tajuk penyelidikan ini yang dapat dianalisis adalah melalui penulisan artikel jurnal bertajuk “Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden”. Kajian ini adalah dihasilkan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir. Kajian ini dihasilkan adalah untuk mengkaji dan mengenalpasti serta menjelaskan secara terperinci berkaitan pemahaman dan penerapan teori sosiologi ini ke dalam dunia sastera Melayu moden. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada era dahulu sastera lebih dikenali sebagai satu perkara asas dalam pembentukan teori-teori sastera yang lain. Melalui kajian ini, pengkaji menjelaskan secara terperinci bahawa setiap kategori teori sosiologi sastera ini mempunyai pelbagai aspek yang dapat dikategorikan sebagai sebuah perkara yang dapat dikaitkan dengan dunia masyarakat pada masa kini. Oleh itu, kajian ini adalah sangat mencapai matlamat pengkaji dalam menjelaskan berkaitan teori sosiologi sastera ini dengan lebih baik. Oleh itu, melalui rujukan kajian ini pengkaji dapat menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan baik dan sempurna.

Di samping itu, terdapat juga kajian lepas berkaitan teori sosiologi ini adalah melalui kajian yang bertajuk “Aspek Sosiologi dalam Drama *Buang Karya Roziyah Adama*”. Tajuk kajian ini adalah telah dilakukan oleh Syafiqah Shaari dan Nur

Afifah Vanitha Abdullah, iaitu daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini adalah dilakukan kerana pengkaji ingin merungkai dan mengenalpasti isu sosial masyarakat yang terdapat dalam drama *Buang Karya karya Roziah Adama* ini. Melalui kajian ini, pengkaji dapat menjelaskan iaitu melalui dapatan kajian yang dikumpulkan bahawa terdapat pelbagai isu sosial masyarakat dalam drama ini. Antaranya adalah kes jenayah pembuangan bayi, sikap prasangka, penindasan yang lemah. Selain itu, aspek politik juga turut diketengahkan dalam drama tersebut. Aspek ekonomi kehidupan masyarakat juga dijelaskan dalam drama ini iaitu dari aspek golongan bawahan yang miskin. Melalui dapatan kajian ini, penggunaan teori sosiologi ini sangat bersesuaian kerana ianya menjelaskan berkaitan isu sosial masyarakat dimana teori ini sangat bertetapan dengan kehendak pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini. Jelaslah, kajian lepas ini dapat membantu pengkaji menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan baik.

Kajian lepas berkaitan teori sosiologi juga dapat dilihat melalui sebuah kajian yang berjudul “Sosiologi dalam Filem *Werewolf* dari Bangladesh (2015) Arahan Mamat Khalid. Kajian ini adalah dihasilkan oleh Suraidah Ambok Mangkek dan Nur Afifah Vanitha Abdullah. Kajian ini adalah dilakukan untuk mengkaji persoalan yang timbul ekoran wujudnya filem ini. Hal ini kerana, dalam filem ini, pengarah Mamat Khalid telah mengangkat watak warga Bangladesh sebagai watak utama dalam filem ini. Oleh itu, kajian ini adalah untuk menjawab dan merungkai isu berkaitan pengangkatan warga Bangladesh sebagai watak utama. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pengarah mengangkat watak utama daripada warga Bangladesh adalah kerana negara Malaysia pada masa kini berlaku ramai menerima pengunjung dan penduduk yang berasal daripada Bangladesh. Oleh itu, pengkaji telah mendapati bahawa teori sosiologi ini sesuai untuk menjelaskan berkaitan dapatan yang dikumpulkan daripada kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, banyak aspek kritikan sosial yang diselitkan melalui filem ini dan kajian yang dilakukan ini adalah

bertetapan dengan napa yang diinginkan oleh pengkaji. Jelaslah bahawa, kajian berkaitan isu warga Bangladesh dalam filem Werewolf ini adalah dapat dijelaskan melalui isu sosial berikutan pendaatanga asing ke negara kita yang kadangkala menimbulkan pelbagai isu seperti amalan khurafat, kecurian dan sebagainya.

Selain itu, kajian lepas berkaitan penggunaan teori sosiologi juga dapat dilihat melalui kajian penulisan artikel bertajuk "Meneroka Kerangka Analitikal Teori Sosiologi Max Weber dalam Mengkaji Pemikiran Pembangunan Tun Dr. Mahathir Mohamad". Kajian ini adalah dilakukan oleh Khairul Azam Mohd Suhaimy, Prof Madya Dr. Mansor Mohd Noor di Universiti Utara Malaysia. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa melalui penggunaan atau pengaplikasian teori sosiologi ke dalam kajian ini dapat memberi kefahaman jelas tentang pemikiran Tun Dr. Mahathir dari aspek pembangunan sosial negara. Max Weber menyatakan bahawa tanpa teknologi ini negara tidak dapat mencapai kemajuan dengan pesat sehingga kini. Oleh itu, dapat disimpulkan melalui kajian ini oleh pengkaji bahawa pemikiran pembangunan yang diusahakan oleh Tun Dr. Mahathir ini dapat berdiri dan berkait rapat dengan penggunaan ilmu teori sosiologi ini. Jelaslah bahawa, kajian ini dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

Seterusnya, antara kajian lepas yang berkaitan dengan teori sosiologi adalah sebuah artikel yang bertajuk "Penerapan dan Pemahaman Teori Sosiologi Dalam Sastera Moden". Artikel ini dihasilkan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir pada tahun 2006. Berdasarkan artikel ini ianya menjelaskan tentang gambaran, iaitu untuk menganalisis persekitaran yang berhubungan rapat dengan masyarakat. Oleh hal demikian, teks yang dikaji juga sama ada masyarakat kontemporari ataupun masyarakat moden. Sehubungan dengan itu, Setiap masyarakat akan dilihat dari segi susun lapisnya kerana ianya lebih mudah dan lebih teratur. Dalam kajian ini juga memperlihatkan tentang setiap watak yang terdapat dalam teks tersebut seperti penghulu, pemimpin agama, kebomohan dan sebagainya. Dalam perbincangan juga



banyak menjelaskan tentang masyarakat bandar dan luar bandar. Pengkaji mendapati bahawa masyarakat bandar ataupun kota menyerlahkan penemuan dengan bersifat negatif seperti individualistik, suka bergaya, mempunyai sikap moral yang rendah dan lebih mementingkan wang ringgit. Berbeza pula dengan masyarakat luar bandar, kebanyakan memberi gambaran yang positif seperti berdisiplin, mempunyai pergaulan yang sopan, mempunyai nilai agama yang tinggi dan sebagainya. Jelaslah bahawa, kajian lepas ini dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

Kajian lepas yang berkaitan dengan teori sosiologi yang sterusnya ialah sebuah artikel yang bertajuk “Pendidikan Dalam Perspektif Teori Sosiologi”. Lajian ini dilakukan oleh Muhammad Rusydi Rasyid. Berdasarkan artikel ini, ianya banyak mengupas tentang pendidikan dan memberi kefahaman tentang unsur-unsur sosiologi dalam aspek pendidikan. Hal ini demikian kerana sosiologi dalam pendidikan mempunyai unsur beragam dan menjadi sejalan terhadap kajian ini. Dengan adanya zaman yang serba canggih dan mempunyai teknologi yang membawa kepada kemajuan di negara kita juga telah memperlihatkan tentang kemajuan-kemajuan dalam bidang pendidikan. Hal ini adalah disebabkan oleh kehidupan masyarakat yang kian memberi sikap yang positif sehingga dapat memberi kesan dan impak yang sangat memberangsangkan kepada negara. Perubahan sosial masyarakat membawa kepada menyebabkan bahawa unsur-unsur kehidupan sosial masyarakat sangat penting dalam pendidikan. Jadi, setiap daripada penggunaan teori sosiologi adalah berkaitan dengan sikap dan kejadian masyarakat dimana untuk menghasilkan sesuatu impak yang berpengaruh dalam kalangan mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa, kajian ini dapat membantu pengkaji menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan sempurna.

Kajian lepas yang berkaitan dengan teori sosiologi juga adalah sebuah artikel yang bertajuk “Digitalisasi Pasar Tradisional: Perspektif Teori Sosiologi”.

Kajian ini dilakukan oleh Nur Indah Ariyani. Berdasarkan artikel tersebut, perubahan pasar tradisional adalah sesuatu yang berpandukan kepada sosiologi masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat golongan masyarakat yang sering berpengaruh terhadap kebudayaan. Jadi kepenggunaan teori sosiologi adalah salah satu untuk mengkritik perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung, perkara ini telah membawa kepada kewujudan golongan-golongan yang mempunyai sistem sosialnya yang tersendiri. Hal ini adalah berkaitan perhubungan sama ada melalui penjual dan pembeli. Oleh demikian, dapat dikatakan bahawa komunikasi diantara mereka terjadi apabila wujudkan sistem sosial yang dapat memberi kesan terhadap sesuatu aktiviti kehidupan harian mereka. Oleh itu, melalui pasar tradisional juga akan menunjukkan tingkah laku dan sikap semasa berlakunya aktiviti penjualan. Hal ini dapat menonjolkan sikap yang mudah dikenali dan sentiasa memberi langkah supaya prilaku dalam sistem sosial wujud diantara masyarakat ini dapat diketengahkan. Jadi, apabila munculnya digitalisasi terhadap sesuatu perubahan maka setiap daripada sosial masyarakat juga perlu dititikberatkan. Jelaslah, kajian lepas ini dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan jayanya.

Di samping itu, kajian lepas yang berkaitan dengan teori sosiologi adalah sebuah kajian yang bertajuk "Sekolah dan Masyarakat". Kajian ini dilakukan oleh Prof Madya Amir Hassan. Dalam kajian ini juga memperlihatkan terdapat skop pendidikan yang lebih kecil seperti terdapat sekumpulan masyarakat yang tidak melebihi kepada kuantiti yang tidak besar. Jadi, kajian ini ia menekankan tentang kefahaman masyarakat dalam mencapai keharmonian apabila berada dalam situasi pendidikan yang lebih menggalakkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap orang ataupun individu memainkan peranan yang penting dalam kehidupan bermasyarakat dan saling membantu dalam memperoleh pengetahuan dan pendidikan yang seimbang. Politik, ekonomi, sosial dan pendidikan merupakan teras utama dalam pembangunan

hidup bermasyarakat dan mempunyai sistem pendidikan yang bermutu tinggi. Setiap satu daripada aspek ini adalah tanggungjawab bersama untuk menjadikan kepentingan pendidikan adalah pengetahuan yang perlu dikongsi serta tidak mempunyai batas mempelajari apa yang ditengahkan. Melalui teori ini kepentingan dalam pembelajaran secara berkelompok ataupun beramai-ramai adalah sesuatu perkara yang perlu dititikberatkan supaya setiap orang memainkan peranan dan menunjukkan sifat-sifat yang positif apabila berhadapan dengan khalayak dan orang ramai. Sikap sosial juga penting dalam menjalani kehidupan bekerjasama diantara masyarakat yang hidup dalam berkelompok. Jelaslah bahawa, kajian ini dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan sempurna.

Kajian penyelidikan ini juga turut berfokus kepada kajian terhadap nilai murni dan pengajaran yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas. Kajian berkaitan nilai murni dan pengajaran ini dapat dilihat melalui kajian bertajuk “Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar.” Kajian ini dilakukan oleh Mohamad Khairi bin Haji Othman. Melalui kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa nilai murni dan pengajaran ini sangat penting dalam pembelajaran kerana ianya dapat membentuk sahsiah yang baik dalam diri kalangan pelajar pada masa kini. Dapatan kajian melalui kajian ini yang diperolehi pengkaji mendapati bahawa tahap penghayatan nilai murni dalam diri pelajar terhadap guru bahasa Melayu terutamanya sangatlah rendah dan ianya perlu ditangani dengan lebih drastic. Oleh itu, melalui kajian ini juga jelaslah bahawa ianya sangat berguna kepada guru dan juga pelajar dalam membentuk pelajar yang mulia dan bersahsiah tinggi. Jelaslah bahawa kajian ini dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan sempurna.

Akhir sekali, kajian lepas yang dapat dikaitkan dengan kajian ini adalah menerusi kajian bertajuk “Nilai-nilai Murni dalam Filem “Bukit Kepong” dan Penggunaan Filem dalam Pengajaran.” Kajian ini dihasilkan oleh Rosnaini Hj.

Mahmud. Melalui kajian ini, pengkaji meninjau terlebih dahulu berkaitan penerbitan filem Bukit Kepong ini dengan lebih terperinci. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti nilai murni yang diterapkan dalam filem ini dalam memberi ilmu dan pengajaran kepada penonton untuk mengamalkan dan menjadikan nilai murni itu satu perkara yang dapat memberi kebaikan dalam hidup. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa filem Bukit Kepong ini banyak menyusulkan dan memberikan ilmu berkaitan nilai murni dan pengajaran kepada masyarakat dalam menjadi seorang insan yang mulia dan berakhlak. Jelaslah bahawa, kajian ini sangat berguna dan membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan baik dan jayanya.

### 2.3 Organisasi Kajian

Organisasi kajian menerusi bab 2 ini, pengkaji merungkai dan memperincikan dengan jelas dan satu-persatu berkaitan sorotan kajian lepas yang digunakan untuk pengkaji rujuk dan jadikan contoh dalam menjalankan kajian penyelidikan ini. Melalui bab 2 ini, pengkaji telah memperincikan sebanyak 9 kajian lepas berkaitan tajuk kajian iaitu “Nilai Murni dan Pengajaran dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan.

### 2.4 Kesimpulan

Oleh itu, jelaslah bahawa sorotan kajian lepas ini sangat penting dan sangat membantu pengkaji dalam melakukan suatu kajian dan untuk menganalisis maklumat berkaitan tajuk kajian tersebut. Kajian-kajian lepas ini juga sangat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini dengan baik

supaya pengkaji dapat memperincikan dan menjelaskan maklumat-maklumat serta contoh-contoh yang relevan berkaitan tajuk ini dengan jelas. Melalui kajian-kajian lepas ini juga, pengkaji dapat memberikan komitmen dan menyampaikan maklumat dengan baik dan kajian ini juga dapat diselesaikan dengan baik dan berkualiti untuk dijadikan sebagai contoh kajian kepada pengkaji akan datang.



## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian ialah merupakan suatu kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data untuk menghasilkan bukti yang kukuh dan boleh menyokong sesebuah kajian yang dijalankan. Menurut *The American Heritage, Dictionary of English Language*, metodologi adalah dapat didefinisikan sebagai sebuah analisis teori yang berkaitan dengan kaedah yang sesuai yang digunakan dalam bidang pengajian atau kandungan kaedah serta prinsip tertentu kepada cabang ilmu pengetahuan. Hal ini dapat dijelaskan adalah dimana, metodologi kajian ini adalah merupakan sesuatu kaedah yang sesuai digunakan dalam menganalisis suatu kajian berkaitan teori yang sesuai digunakan dalam kajian tersebut. Selain itu, menurut kamus Bahasa Inggeris Collins, metodologi adalah sebuah sistem kaedah dan prinsip yang digunakan dalam disiplin tertentu. Metodologi kajian ini adalah suatu kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji dalam melakukan dan menghasilkan sesuatu kajian demi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam menyelesaikan kajian tersebut dengan sempurna dan jelas.

Metodologi penyelidikan atau kajian merupakan suatu kaedah atau teknik merekabentuk, mengumpul, dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian itu dengan lebih jelas. Hal ini dikatakan demikian kerana, metodologi kajian ini juga adalah suatu kaedah yang dapat merumus keseluruhan kajian atau keseluruhan kaedah serta isi kandungan yang ingin dikaji dalam kajian tersebut. Metodologi ini juga menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan.



Tujuan metodologi ini adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas dan terperinci tentang pengaplikasian sesuatu kaedah itu dengan membuat huraian dengan lebih jelas tentang proses kajian itu dijalankan. Tujuan metodologi ini digunakan juga adalah untuk membantu pengkaji supaya memahami dan mendapatkan maklumat kajian yang dibuat dengan lebih terperinci. Metodologi ini mempunyai dua kaedah iaitu kualitatif dan juga kuantitatif. Metodologi ini juga sangat penting penting supaya kita dapat tahu kaedah yang ingin digunakan untuk menganalisis data dan maklumat kajian ini.

Menurut Hornby (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan reka bentuk kajian, dan prosedur atau proses menganalisis data bagi menjawab persoalan yang telah dikemukakan terlebih awal dalam menjalankan suatu kajian tersebut. Menerusi bab ini, antara perkara yang ditekankan adalah berkaitan reka bentuk kajian dan juga penerapan teori yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Rekabentuk kajian merupakan satu kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis kajian melalui kedah yang perlu dilakukan dalam suatu kajian tersebut. Rekabentuk kajian ini sangat penting untuk digunakan dalam melakukan kajian kerana ianya dapat membantu untuk mendapatkan, mengumpulkan maklumat serta menganalisis maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Menurut Kerlinger 1970, reka bentuk kajian merupakan satu kaedah pengolahan data yang dikumpul berdasarkan kepada perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Manakala menurut

McMillan & Schumacher 1984, reka bentuk kajian merujuk kepada cara atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengendalikan kajian dan langkah atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan dalam kajian yang dilakukan itu. Tujuan reka bentuk ini adalah untuk mengawal punca-punca yang boleh mengganggu pengkaji dalam menghasilkan dapatan kajian iaitu analisis kajian ini.

Seterusnya, menurut Sabitha (2006), reka bentuk kajian adalah sebuah pelan tindakan yang digunakan oleh seseorang pengkaji dalam memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Reka bentuk kajian ini adalah berfungsi sebagai panduan dalam membantu pengkaji untuk mengumpulkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Reka bentuk penyelidikan juga boleh dijadikan sebagai contoh panduan untuk pengkaji melakukan inferens berkenaan pemboleh ubah yang dikaji. Melalui kajian ini, rekabentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah pengkaji menggunakan kaedah analisis teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan dan melakukan tinjauan ke atas masyarakat untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul maklumat. Pengkaji juga akan merujuk beberapa artikel jurnal yang berkaitan dengan kajian ini untuk memastikan bahawa maklumat yang diperolehi itu sangat benar dan berkesan serta membantu pengkaji untuk menganalisis kajian ini.

Reka bentuk kajian ini terbahagi kepada tiga kaedah iaitu, kualitatif, kuantitatif dan kaedah campuran. Kaedah kuantitatif adalah merupakan kaedah yang digunakan sebagai tetapan awal. Kaedah ini adalah soalan yang berasaskan kepada instrumen. Kaedah ini mempunyai data persembahan, data sikap, data cerapan dan data bancian. Ia juga merupakan suatu kaedah analisis statistik dan mempunyai interpretasi statistik. Selain itu, kaedah campuran adalah kaedah kedua dalam metodologi iaitu mempunyai tetapan awal dan *emerging*. Ia juga mempunyai temu bual terbuka dan tertutup. Kaedah campuran ini mempunyai bentuk data yang



pelbagai. Kaedah ini juga mempunyai analisis statistik dan teks serta merentas interpretasi pangkalan data.

### 3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini adalah dengan menggunakan kajian kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini adalah melalui kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan suatu kaedah yang tidak melibatkan pengiraan. Kaedah kualitatif ini meliputi kaedah yang digunakan adalah dengan menganalisis maklumat melalui bahan bacaan di internet, pemerhatian, analisis dokumen, temubual dan lain-lain. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian melalui pendekatan analisis dokumen dan juga analisis melalui teks drama dalam kajian ini. Analisis dokumen ini juga dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan jelas dan terperinci. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif ini kerana ianya sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini. Melalui kaedah ini, pengkaji hanya mencari dan mengumpulkan maklumat berdasarkan kepada carian melalui laman sesawang dan kaedah perpustakaan. Melalui kajian ini, pengkaji mengkaji teks drama yang bertajuk *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan. Reka bentuk kajian kualitatif ini sesuai digunakan dalam mengkaji dan menganalisis teks-teks drama ini.

#### a) Kaedah Analisis Teks

Kaedah analisis teks merupakan sebuah kaedah yang turut digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Melalui kajian ini, tajuk kajian pengkaji adalah untuk mengenalpasti elemen nilai murni dan

pengajaran dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*. Oleh itu, kedua-dua teks drama tersebut dianalisis oleh pengkaji untuk mengumpulkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kedua-dua teks drama ini adalah merupakan hasil karya penulis sasterawan negara iaitu Hatta Azad Khan yang juga mempunyai banyak karya lagi selain teks-teks drama ini. Kaedah menganalisis teks ini dilakukan secara terperinci oleh pengkaji agar maklumat yang dikumpulkan itu dapat memenuhi kriteria objektif yang dihasilkan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Kedua-dua drama ini adalah lebih menceritakan berkaitan isu sosial dalam masyarakat yang sering terjadi dalam kehidupan kalangan masyarakat kita pada hari ini. Teks drama yang dihasilkan oleh Hatta Azad Khan ini dapat memberikan kefahaman yang baik kepada masyarakat pada masa kini. Analisis teks ini sangat penting dilakukan dalam kajian ini kerana pengkaji dapat mengetahui dan mengumpul serta meneliti isi kandungan yang terdapat dalam teks tersebut dengan lebih jelas dan memberi kefahaman yang baik dalam mencatat pelbagai maklumat yang penting. Analisis teks ini hanya berfokus kepada teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan.

#### **b) Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data ialah sebuah proses mengumpul dan mencari maklumat berdasarkan pembolehubah yang disasarkan dalam sebuah sistem yang sedia ada yang membolehkan menjawab soalan relevan serta menilai keputusan yang berkemungkinan. Kaedah ini sangat penting dalam penyelidikan dalam semua bentuk kajian termasuk sains fizikal dan sains sosial, sains kemanusiaan. Kaedah pengumpulan data dalam sesebuah kajian itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah

pengumpulan data secara primer dan kaedah pengumpulan data secara sekunder. Kaedah primer merupakan sumber utama dalam mengumpulkan data, manakala kaedah sekunder adalah sumber kedua dalam mengumpulkan data. Melalui kajian ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui kaedah pengumpulan data secara sekunder. Menurut Hasan (2-002: 58), data sekunder adalah data yang diperoleh atau dikumpulkan oleh orang yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah ada. Data ini digunakan untuk menyokong maklumat yang diperolehi daripada data primer yang telah diperolehi iaitu dari bahan pustaka, kajian lepas, bahan bacaan, penelitian terdahulu, buku, dan sebagainya. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data secara sekunder iaitu melalui rujukan artikel-artikel atau kajian lepas yang berkaitan tajuk kajian ini. Data sekunder ini juga adalah sebagai panduan untuk menegaskan maklumat yang diperolehi daripada kajian lepas daripada artikel dan lain-lain. Oleh itu, teknik pengumpulan data yang digunakan ini sangat membantu pengkaji dalam melakukan dan menyelesaikan kajian ini. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat menganalisis dan mengumpulkan data dengan sebanyak yang mungkin dan memperolehinya dengan jelas.

### c) **Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis dan mengumpulkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan dengan lebih jelas dan terperinci lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kaedah kepustakaan juga pengkaji dapat menelaah buku-buku dan juga segala perkara berkaitan jurnal artikel, dan keratan akhbar yang dapat dijadikan sebagai panduan dalam mencari maklumat untuk kajian ini. Sebagai contohnya, melalui kajian ini pengkaji

menggunakan atau melakukan kajian terhadap teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*. Oleh itu, pengkaji dapat mengumpulkan dan mencari maklumat berkaitan teks drama tersebut di perpustakaan melalui kaedah ini. Selain itu, kaedah ini juga dapat digunakan sebagai panduan dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan Bab 1 dan Bab 2 iaitu berkaitan sorotan kajian lepas dan juga pendahuluan serta latar belakang kajian ini. Kaedah ini juga sesuai digunakan oleh pengkaji dalam mencari bahan-bahan sekunder dalam mengumpul data dan maklumat. Maka dengan itu, kaedah kepustakaan ini sangatlah penting dalam membantu pengkaji untuk mendapatkan pelbagai maklumat dengan lebih jelas dan terperinci terutamanya berkaitan Bab 1 dan Bab 2 dan kaedah ini juga dapat membantu pengkaji mencari maklumat berkaitan penggunaan teori ke dalam kajian ini.

#### **d) Kaedah Internet**

Kaedah internet adalah merupakan sebuah kaedah yang turut digunakan oleh pengkaji dalam mengumpul dan mencari maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Kaedah internet ini adalah dimana suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mencari maklumat penting yang dapat diambil untuk dijadikan bahan kajian ini. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk mencari maklumat tambahan berkaitan tajuk kajian yang dilakukan. Antara laman sesawang yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini untuk mendapatkan maklumat dan data adalah seperti *google scholar*, *academia*, *wikipedia*, *blogger*, *slideshare*, jurnal artikel daripada internet, *researchgate* dan lain-lain. Pengkaji juga mencari maklumat berkaitan kajian lepas dan juga maklumat berkaitan teori adalah daripada laman-laman sesawang ini. Melalui kaedah internet ini juga, pengkaji dapat mencapai dan mencari maklumat berkaitan teks drama

*Dunia Belum Kiamat dan Menunggu Lampu Hijau* ini dengan lebih mudah dan berguna serta jelas. Oleh itu, jelaslah bahawa kaedah ini sangat penting dan berkesan kepada pengkaji dalam mencari maklumat berkaitan kajian yang dilakukan ini supaya mudah pengkaji akan datang untuk merujuknya pada masa akan datang.

### 3.2.2 Penerapan Teori

Setiap kajian yang dilakukan oleh pengkaji, penggunaan teori ini sangat penting dan membantu pengkaji-pengkaji dalam menyelesaikan kajian penyelidikan mereka dengan baik dan sempurna serta lancar. Perkataan teori ini adalah berasal daripada perkataan Yunani iaitu *theoria* yang membawa maksud visi, berfikir secara betul-betul atau membuat spekulasi. Pada era kini, definisi teori ini telah mendapatkan pelbagai sudut pemikiran daripada tokoh-tokoh lain yang mencetuskan kepada perspektif kemanusiaan yang meluas. Menurut Rudner (1966), beliau mentakrifkan teori dari sudut yang sempit sebagai satu himpunan pendapat yang berait secara sistematik dan boleh diuji secara langsung dan jelas. Mengikut pendapat Garrison (2000), teori merupakan satu penyusunan idea, konsep, dan model secara koheren dan sistematik bagi tujuan untuk membina makna dalam menjelaskan, mentafsirkan dan mencorakkan sesebuah amalan. Teori juga adalah sesuatu yang wujud dalam pemikiran manusia semata-mata dan ianya terdiri daripada pengetahuan yang tidak pasti dan tidak muktamad dalam melakukan sesuatu keputusan. Penyelidikan dan kajian yang dilakukan adalah memainkan peranan penting dalam menjelaskan sesuatu proses berkaitan pembinaan teori dan sebaliknya. Contohnya, penyelidikan yang berpandukan kepada penggunaan teori ini adalah untuk membantu pengkaji dalam melakukan kajian dan menjelaskan sesuatu dapatan kajian itu dengan lebih jelas untuk kegunaan pengkaji yang

akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya supaya jelas pengkaji akan datang dan pembaca untuk memahami tentang sesuatu konsep itu dengan satu-persatu.

Selain itu, teori merupakan dasar yang menjadi asas dalam pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan. Teori juga merupakan satu fakta yang dibuktikan kebenarannya menurut peraturan ilmiah. Mengikut Kerlinger (Ahmad Mahdzan, 1983:11) mentakrifkan teori sebagai himpunan konsep, definisi, dan saranan, yang saling berkait, yang memberi gambaran teratur tentang sesuatu fenomena dengan menyatakan hubungan antara perkara-perkara untuk menerangkan dan meramalkan fenomena itu. Manakala menurut Heinan (1985), *a theory is a group of logically organized laws or relationships that constitute explanation in a discipline.*

Teori sastera pula ialah pandangan-pandangan, rumusan dan prinsip-prinsip yang menegaskan hasil sastera. Wellek dan Warren (M. Khalid Taib, 1993:7) mendefinisikan teori sastera sebagai penelitian tentang prinsip-prinsip sastera, penjenisan atau kategori-kategorinya dan kriteria kesusasteraan. Teori sastera dikatakan bersikap eksklusif ilmiah, yang pada dasarnya membicarakan dunia sastera. Oleh itu, sesebuah teori sastera berguna untuk menganalisis teks-teks sastera dan segala macam yang berbentuk teoritis dan teoritikal yang berfungsi untuk memberi arahan, haluan atau jalan yang hendak dituju, mengawal penyelewengan matlamat dan menentukan dasar pencarian dan memandu penulisan yang berbentuk ilmiah. Selain itu, Ali Haji Ahmad (1993: 52) menyatakan bahawa terdapat beberapa fungsi teori sastera ini dalam mengaplikasikan penggunaannya ke dalam suatu penyelidikan. Antaranya adalah teori sastera ini menjadi perhubungan di antara penulis, hasila cipta masyarakat dan budaya dan teori sastera ini juga merupakan suatu prinsip yang menjadi penciptaan kepada hasil sastera dalam



melihat perkembangan yang berjaya dalam penghasilannya. Oleh itu, penggunaan teori dalam suatu penyelidikan dan kajian ini adalah jelas untuk memberikan penunjuk ke arah pemikiran dan menganalisis suatu kajian ke arah merungkai kebenaran dalam melakukan sesuatu kajian itu dengan lebih jelas dan teratur.

#### **a) Teori Sosiologi**

Teori sosiologi adalah merupakan salah sebuah daripada kategori teori sastera yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan kajian penyelidikan ini. Teori sosiologi ini pada umumnya dapat didefinisikan sebagai satu pendekatan teori yang sangat berkait rapat dengan hubungan antara manusia dengan kehidupan bersama dalam sehariannya. Menurut Mana Sikana, pendekatan sosiologi sastera ini dapat dikaitkan dengan dua aspek iaitu karya sastera sebagai aspek cerminan masyarakat dan karya sastera ini juga merupakan suatu karya yang agung dan sangat terkesan oleh masyarakat. Menurut Mana Sikana (1998:144-146), terdapat dua konsep pendekatan sosiologi yang boleh digunakan. Antaranya ialah boleh melihat karya sebagai cerminan sejarah, terutamanya tentang sejarah perkembangan ekonomi, teknologi, dan perhubungan kelas. Pendekatan sosiologi ini melihat masalah persefahaman dan pertikaian yang berlaku dalam masyarakat dan ia merupakan sumber inspirasi dan ilham kepada penulis dan tugas mereka adalah untuk mencerminkan semua kejadian yang telah berlaku. Selain itu, pendekatan sosiologi ini juga boleh menceritakan tentang aspek perwatakan watak-wataknya untuk menggambarkan sifat individu dan berperibadi seperti yang telah ditentukan oleh masyarakat.

Selain itu, menurut Mana Sikana juga, pendekatan sosiologi ini juga lebih mengarah kepada pemahaman peneliti sastera terhadap persekitaran sosial, iaitu hubungan karya sastera dengan masyarakatnya. Pendekatan sosiologi ini juga merupakan aspek ekstrinsik dalam kritikan sastera. Hal ini terjadi kerana karya sastera yang dihasilkan itu diteliti sebagai hasil daripada pergolakan yang benar-benar terjadi dalam masyarakat pada masa lampau dan juga pada masa kini. Ahmad Kamal Abdullah (1990:426) juga telah mendefinisikan bahawa pendekatan sosiologi itu adalah merupakan satu cara untuk melihat karya yang dihasilkan itu dan mengaitkannya dengan masyarakat sama ada masyarakat tempat karya itu dihasilkan atau masyarakat yang menghasilkan itu sendiri. Pendekatan teori sosiologi ini sangat sesuai dan sangat menekankan aspek kemanusiaan dalam kehidupan pada masa kini kerana ianya melibatkan dan menceritakan berkaitan aspek sosial dalam kehidupan sesebuah masyarakat itu dalam kelompok yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Pendekatan ilmu sosiologi ini adalah diperkenalkan oleh pemikir Islam seperti Ibnu Khaldun. Pada abad ke-18 dan 19, sosiologi diperkenalkan dan digunakan oleh pemikir barat seperti Auguste Comte, Karl Marx, Emile Durkheim, Herbert Spencer, Max Weber dan George Herbert Mead. Istilah sosiologi terbentuk pada tahun 1839 apabila Auguste Comte menggabungkan dua perkataan Latin iaitu '*socio*' dan '*logos*'. Tujuan utama sosiologi ini adalah untuk mengetahui struktur asas masyarakat manusia dalam mengenalpasti tekanan utama yang melemahkan mereka dalam mempelajari sesuatu perkara yang membentuk kehidupan sosial mereka. Tumpuan perspektif sosiologi ini adalah pada tingkah laku masyarakat dalam memahami corak interaksi mereka dalam kalangan kelompok kehidupan mereka sendiri. Teori ini diasaskan oleh tiga pemikir

utama iaitu Emile Durkheim, Karl Marx, dan Max Weber. Ketiga-tiga pelopor teori sosiologi ini mempunyai ideologi dan pemikiran tersendiri. Pendekatan sosiologi ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu makro dan mikro. Pendekatan perspektif makro bersifat besar, bercorak organisasi dan berbentuk kompleks. Manakala pendekatan perspektif mikro bersifat kecil dan fokus kepada diri individu sahaja.

Terdapat tiga teori utama sosiologi yang dibahagikan kepada pendekatan perspektif makro dan mikro. Teori utama di bawah pendekatan perspektif makro adalah teori fungsionalisme dan teori konflik. Manakala teori utama dibawah pendekatan perspektif mikro adalah hanya satu sahaja iaitu teori interaksionisme. Ketiga-tiga teori utama dibawah pendekatan perspektif makro dan mikro ini adalah mempunyai maksud dan pemikiran serta ideologi yang tersendiri daripada tokoh-tokoh yang berbeza dalam setiap kelompok teori tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun ianya merupakan sebuah teori yang sama namun ianya mempunyai pelbagai pendapat, ideologi dan pemikiran daripada pelbagai tokoh yang terlibat. Melalui kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan perspektif makro iaitu pendekatan teori fungsionalisme.

#### **b) Pendekatan Teori Fungsionalisme**

Teori fungsionalisme ini diperkenalkan oleh Auguste Comte, Herbert Spencer dan Emile Durkheim. Manakala tokoh moden yang terlibat dengan teori fungsionalisme ini adalah Talcott Parsons dan Robert K. Merton. Menerusi teori ini, masyarakat berkembang dan stabil berdasarkan peraturan sosial dan perubahan semasa. Masyarakat diibaratkan sebagai organisma dan setiap organ mempunyai peranan yang tersendiri. Teori ini adalah mengkaji fungsi perlakuan sosial atau institusi dalam kegiatan atau

aktiviti yang menyumbang kepada penerusan masyarakat. Teori fungsionalisme ini juga lebih menekankan kepentingan persefahaman dan kestabilan masyarakat. Perspektif ini juga melihat masyarakat sebagai keseluruhan atau sistem sosial yang berpadu, harmoni dan berhubungan antara satu sama lain dimana ianya berfungsi dengan lebih unggul dalam mengekalkan keseimbangan susunan sosial dalam masyarakat. Fungsionalisme adalah untuk menjelaskan tentang institusi dan kehidupan sosial dalam memenuhi keperluan masyarakat dan individu. Sebagai institusi, media keperluan dianggap sebagai kesinambungan, penyatuan, bimbingan, sosialis dalam masyarakat sebagai satu sistem yang bekerjasama dimana media massa adalah sebagai satu perkara yang dapat membantu dalam kehidupan masyarakat yang berfungsi.

Teori ini juga dikenali sebagai teori *structural-functional* atau *social system theory*. Istilah struktur dan fungsi adalah dua konsep yang berbeza namun saling berkait rapat satu sama lain. Teori ini memberi penekanan kepada sumbangan setiap individu dalam masyarakat itu dalam mengekalkan ikatan yang berpanjangan dalam masyarakat. Berdasarkan pendekatan teori ini, struktur sosial ini akan menentukan perjalanan dan keharmonian masyarakat ini. Ia juga menekankan kepentingan anggota-anggota masyarakat untuk mencapai keharmonian dan kestabilan masyarakat. Brikenhoff & White (1989) membuat andaian utama kepada teori fungsionalisme ini adalah sebagai suatu masyarakat yang stabil, harmoni dan evolusi. Antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam menyokong pendekatan teori fungsionalisme ini adalah seperti Emile Durkheim, Talcott Parsons, Robert Merton Dan Jeffry Alexander.

#### **i. Emile Durkheim**

Emile Durkheim merupakan pelopor utama kemunculan teori structural fungsionalisme ini. Namun, akar pemikirannya berkaitan teori ini telah diperkenalkan terlebih dahulu oleh Auguste Comte dan Herbert Spencer. Auguste Comte pertama kali mengawali pemikirannya adalah mengenali analogi organisma. Teori Emile ini diperkenalkan daripada pemahaman bahawa kelompok manusia itu memiliki sifat lebih dari atau sama dengan jumlah daripada sifat-sifat individual yang menyusun kelompok tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, sistem sosial yang seimbang adalah disebabkan adanya nilai-nilai yang dimiliki oleh seseorang individu seperti nilai moral dan agama kerana perkara asas inilah yang mengikat individu dan kelompok masyarakat itu bersatu. Oleh itu, jika rosak nilai-nilai moral ini maka rosaklah keseimbangan sosial dalam kehidupan masyarakat.

Emile Durkheim merumuskan bahawa pendekatan teori fungsionalisme ini adalah sebagai satu perbandingan antara masyarakat dengan organisma biologi atau anggota badan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, untuk berfungsi sesebuah masyarakat adalah sama seperti badan manusia yang memerlukan beberapa keperluan yang harus dipertemukan. Analisis fungsional ini termasuklah mengenalpasti cara-cara supaya keperluan tadi itu dapat dipertemukan. Prinsip asas pendekatan teori fungsionalisme adalah sesebuah masyarakat itu merupakan suatu sistem yang rumit dalam melakukan suatu Kerjasama dengan sebaik mungkin untuk memastikan susunan sosial dalam masyarakat dapat dikekalkan. Namun begitu, susunan sosial dalam masyarakat akan terjejas apabila individu-individu dipisahkan antara satu sama lain. Oleh itu, kita sebagai masyarakat harmoni hendaklah mengekalkan kedudukan

susunan sistem sosial masyarakat ini dengan baik dan sempurna serta teratur.

Emile Durkheim juga menekankan kepentingan komunikasi dalam proses untuk mengekalkan dan mengubah semula masyarakat melalui persetujuan terhadap suatu isu atau tingkah laku dalam mengekalkan keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat. Beliau percaya bahawa melalui pemerhatian ini ianya adalah suatu yang tidak mustahil untuk mengenalpasti sesuatu tindakan yang dilakukan itu adalah fungsional atau tidak fungsional.

## ii. **Herbert Spencer**

Herbert Spencer merupakan salah seorang daripada pelopor ideologi pendekatan teori fungsionalisme yang berpengaruh. Menurutnya teori ini sangat berkait rapat dengan fungsi. Herbert Spencer melihat persamaan antara masyarakat dan organisma. Pada pendapat beliau, setiap organisasi itu mempunyai struktur iaitu terdiri daripada beberapa bahagian yang berkaitan seperti kepala, tangan jantung, kaki dan sebagainya. Setiap bahagian itu mempunyai struktur yang tersendiri dalam seluruh kehidupan organisma tersebut. Melalui idea yang sama, Spencer berpendapat bahawa sesebuah masyarakat itu mempunyai struktur dan masyarakat yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang berkaitan seperti keluarga, agama, negara dan sebagainya. Oleh itu, pendekatan teori fungsionalisme ini sangat berkesan untuk menjelaskan berkaitan kehidupan masyarakat pada masa kini.

## iii. **Malinowski dan Radcliffe-Brown**



Malinowski dan Radcliffe-Brown merupakan ahli pemikiran dan ideologi pendekatan teori fungsional. Dua jenis teori fungsionalisme dikembangkan sekitar pada tahun 1910 dan 1930 iaitu psikologikal fungsionalisme. Pendekatan ini disokong oleh Malinowski dan juga Radcliffe-Brown. Malinowski mengatakan bahawa setiap individu mempunyai keperluan psikologikal dan setiap institusi sosial memberikan keperluan ini kepada masyarakat tersebut. Terdapat juga keperluan budaya dalam kehidupan sosial masyarakat dan empat asas keperluan iaitu ekonomi, pendidikan, sosial dan organisasi politik yang memerlukan institusi sosial. Setiap institusi mempunyai keperibadian, karakter, undang-undang, aktiviti dan teknologi yang tersendiri dalam membina organisasi mereka.

Radcliffe-Brown memfokuskan kepada perhatiannya ke arah struktur sosial. Beliau menyatakan bahawa sesebuah masyarakat adalah suatu sistem yang dapat menjaga hubungannya sendiri melalui suatu umpan balik, manakal institusi adalah gabungan daripada pelbagai hubungan yang fungsinya adalah untuk menjaga masyarakat sebagai satu sistem. Oleh itu, setiap masyarakat itu mestilah sentiasa menjaga hubungan sesama insan antara satu sama lain.

### **3.3 Organisasi Kajian**

Organisasi kajian dalam bab 3 ini adalah pengkaji menerangkan dan menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam menghasilkan kajian penyelidikan ini. Melalui kajian penyelidikan ini, pengkaji menjelaskan bahawa metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah rekabentuk kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah pengumpulan data, analisis teks, kaedah kepustakaan dan kaedah internet. Selain itu, dalam bab 3 juga pengkaji menjelaskan tentang

penggunaan teori dalam kajian penyelidikan ini. Oleh itu, teori yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini adalah dengan menggunakan teori sosiologi melalui pendekatan teori fungsionalisme.

### **3.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, metodologi kajian ini sangat penting kepada pengkaji dalam menyelesaikan dan melakukan kajian penyelidikan ini dengan sempurna dan jayanya. Melalui metodologi kajian yang digunakan ini, pengkaji dapat mencari dan mengumpulkan maklumat dengan sebaik mungkin dan ianya dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pengkaji dalam melakukan penyelidikan ini. Selain itu, penggunaan teori yang diambil oleh pengkaji juga sangat sesuai dengan tajuk kajian penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji dan ianya dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada pengkaji dalam melakukan kajian penyelidikan ini.

## BAB 4

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pengenalan

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan teks drama *Menunggu Lampu Hijau*. Hal ini kerana, melalui teks-teks drama ini, sudah pasti terdapat pelbagai unsur nilai murni dan pengajaran yang dapat diambil untuk dipraktikkan oleh golongan masyarakat sebagai pembentukan ilmu dan sahsiah dalam kehidupan seharian mereka. Melalui analisis kajian ini juga, pengkaji akan menjelaskan berkaitan kesan yang diperolehi melalui nilai murni dan pengajaran dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* kerana setiap kajian yang dilakukan itu mestilah mempunyai atau memberi impak yang baik kepada pengkaji. Akhir sekali, analisis kajian ini juga pengkaji akan menjelaskan perbezaan antara nilai murni dan pengajaran melalui konteks sastera. Hal ini adalah kerana, kedua-kedua unsur ini nampak sama tetapi mempunyai perbezaan yang ketara.

#### 4.2 Nilai Murni dan Pengajaran dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*.

##### 4.2.1 Nilai Murni

###### a) Nilai BAIK Hati

Nilai baik hati merupakan sebuah nilai yang sangat diterapkan dalam diri seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara. Nilai baik hati juga sangat ditekankan apabila kita berhubung dengan seseorang

individu kerana nilai baik hati ini merupakan sebuah tingkahlaku atau adab orang Melayu pada zaman ini yang sering mereka amalkan. Nilai baik hati merupakan sebuah sifat yang menunjukkan kepekaan kita terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara tulus ikhlas. Nilai baik hati ini sangat diterapkan dalam diri setiap individu supaya hidup kita ini sentiasa aman dan bahagia selalu kerana dengan adanya sifat baik hati dalam diri kita sudah pasti kita tidak terlalu cepat untuk merasa cemburu di atas kejayaan orang lain. Baik hati juga adalah suatu sifat yang ditunjukkan oleh setiap manusia dalam hidup bermasyarakat. Antara contoh yang menunjukkan nilai baik hati yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* adalah:

Pak Alim: Kau bagi lagi dia pinjam duit!

Dollah : Aku kesian!

Pak Alim: Dia anak orang kaya, bapak dia banyak duit.

Dollah : Tu duit bapak dia.

Pak Alim: Mintaklah dengan bapak dia.

Dollah : Ala ... apa kau sibuk-sibuk. Dia pinjam saja!!

(Kumpulan Drama Dunia

Belum Kiamat (2016: 206))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Dollah seorang yang baik hati kerana dia sering memberi pinjam duit kepada Jamil walaupun Jamil adalah seorang anak orang kaya iaitu anak kepada Datuk Jay, dan dalam masa yang sama dia pun akan meminjam duit daripada Pak Alim jika kekurangan atau ketiadaan duit.

## b) Nilai Tolong-menolong

Nilai tolong-menolong adalah sebuah nilai yang sangat diterapkan dan diamalkan dalam kehidupan terutamanya kehidupan bermasyarakat. Hal ini kerana, nilai tolong-menolong ini suatu nilai yang sangat disukai oleh masyarakat dan orang ramai. Ia juga merupakan sebuah nilai yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu dalam sesebuah negara. Nilai tolong-menolong ini haruslah sentiasa diamalkan dalam kehidupan tanpa mengira bangsa dan agama kerana sifat dan nilai ini sangatlah dihormati oleh masyarakat sekeliling kita. Antara nilai tolong-menolong yang dapat dilihat melalui teks drama *Dunia Belum Kiamat* adalah seperti berikut:

*(Tiba-tiba Jamil muncul di pintu membawa handle motosikal yang sudah bengkok dan sebiji tayarnya. Tangannya luka-luka. Pak Alim dan Dollah terkejut).*

Dollah : Ehh!! Kenapa ni Encik Jamil?

Pak Alim : Mak Munah!! Keluar kejap!

*(Mak Munah muncul semula dari dapur).*

Mak Munah: Ehh kenapa pula ni???

Dollah : Jatuhlah!! Apa lagi....

Mak Munah: Banyak ke lukanya? Mari Mak Munah basuh ... taruh ubat.

*(Mak Munah membawa Jamil ke dapur. Dollah mengikut sama. Datuk Jay melangkah).*

(Kumpulan Drama Dunia Belum

Kiamat (2016: 209 & 210))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Mak Munah, Pak Alim dan Dollah seorang yang suka tolong-menolong antara satu sama lain dimana mereka menolong Jamil yang telah mengalami kecederaan atau luka-luka akibat jatuh motor. Mak Munah telah menolong

Jamil dengan membawanya ke dapur untuk membersihkan luka dan menyapu ubat pada luka Jamil.

c) Nilai Toleransi

Nilai toleransi adalah sebuah nilai yang bersifat semulajadi yang lahir dari hati nurani seseorang insan. Ia juga merupakan alasan munasabah yang mendasari sesuatu tindakan, perbuatan, atau pegangan. Nilai ini sering berlaku dalam diri seseorang dalam mereka melakukan sebuah kebaikan dimana ianya melakukan perkara tersebut setelah mengetahui akan kebaikannya atau kesan terhadap amalan nilai toleransi tersebut. Contoh nilai toleransi adalah seperti berikut:

(Di kawasan kerja dan pejabat.)

AHMAD BUKHARI: Abang seorang yang pandai melihat potensi seseorang, terutama isteri-isterinya. dia bagi peluang dan bagi sokongan penuh. Abang ada kilang jahit baju kurung, baju Melayu, baju kebaya sulam yang bosnya Kak Norma. Ada kilang buat kek dan biskut dan bosnya Kak Habibah. Ada kilang produk kecantikan ubat-ubatan tradisional dan bosnya Kak Rozita. Dan ada kilang proses bahan masakan, cili boh, bawang putih, bawang merah, halia, kunyit, lengkuas. Pendek kata semua bahan keperluan dapur dan bosnya Kak Gaya. Selepas lima tahun, pasaran bagi semua produk dari kilang-kilang kecil itu semakin meluas. Sudah ada seratus pekerja dalam berbagai bidang. Keutamaan tetap diberikan kepada ibu tunggal.

(OTG (2015: 142))

d) Nilai Pemurah

Nilai pemurah merupakan sebuah nilai yang sangat mulia dan diperlukan serta harus diterapkan dalam diri manusia. Nilai pemurah ini sangatlah sukar untuk ditemui dalam kehidupan kerana nilai pemurah ini



hanya ada pada seseorang yang sangat baik dan pemurah terhadap manusia. Nilai pemurah ini adalah dimana ianya satu perbuatan suka memberi dan tidak kedekut dengan orang sekeliling. Nilai pemurah ini dapat dilihat melalui teks drama *Menunggu Lampu Hijau*.

AHMAD BUKHARI sebagai KAK BIB: Abang Bakti adalah contoh seorang lelaki yang mengamalkan sikap, pandangan, pegangan dan amalan hidup yang sangat sederhana. Dia memang kaya, tapi tidak pernah berbangga diri, sombong atau menunjuk-nunjuk. Kadang-kadang kami yang perempuan ni yang termalu dengan dia..... Setiap malam dalam bulan Ramadan Abang Bakti pastikan untuk membawa anak-anak yatim menikmati juadah berbuka puasa beramai-ramai.

(OTG (2015: 148))

e) Nilai Kasih Sayang

Nilai kasih sayang adalah sebuah nilai yang sangat disukai dan sering diamalkan oleh masyarakat serta orang ramai. Hal ini kerana, nilai kasih sayang ini dapat menunjukkan keakraban atau jalinan hubungan antara setiap individu itu sendiri. Nilai kasih sayang ini dapat dilihat melalui teks drama *Menunggu Lampu Hijau*.

AHMAD BUKHARI sebagai AHMAD BAKTI: Aku tak akan buang sesiapa, kuotanya dah cukup. Aku tak akan buang dan tak akan tambah. Keempat-empat wanita ini akan kekal menjadi pasangan hidup aku sampai ke akhir hayat. Aku cuma nak berusaha mencari calon suami untuk ahli-ahli yang lain.

(OTG (2015: 156))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Ahmad Bakti mempunyai nilai kasih sayang terhadap keempat-empat isterinya kerana beliau tidak akan menceraikan dan menambah isteri lagi. Namun

beliau juga sangat kasih dan sayang kepada ahli-ahli wanita lain sehingga sanggup mencarikan suami untuk mereka semua.

f) Nilai Rajin

Nilai rajin juga merupakan salah satu nilai murni yang terdapat dalam teks drama kerana nilai rajin ini haruslah diterapkan ke dalam diri setiap insan agar dapat menjadi pedoman kepada golongan muda di luar sana. Nilai rajin ini juga dapat menunjukkan bahawa seseorang individu itu dapat menjadi seorang yang lebih baik. Ia juga dapat disukai oleh masyarakat.

*(Suatu pagi yang agak suram. Mak Munah sedang mengemas ruang tamu. Dollah menjengukkan kepala dan mendehem beberapa kali untuk menarik perhatian Mak Munah).*

Dollah : Dah buat kopi?

Mak Munah: Cantik muka? (Mengejek). Dah buat kopi!! Kau ingat aku ni tukang masak kau!

Dollah : Nanti kalau ada yang berlebih-lebih hulur-hulurlah kat luar. Aku boleh tolong habiskan.

Mak Munah: Sudah! Pergi buat kerja kau!

*(Dollah menghilangkan diri dan Mak Munah meneruskan kerjanya. Datuk Jay turun dan duduk di kerusi).*

(Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat

(2016: 186))

Berdasarkan petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Mak Munah adalah seorang yang rajin dalam melakukan kerja rumah iaitu dia adalah sebagai seorang pembantu rumah Datuk Jay. Dia sangat komited dan rajin melakukan tugasnya dengan baik.

g) Nilai tanggungjawab

Nilai tanggungjawab juga merupakan salah satu nilai murni yang terdapat dalam teks drama ini. Nilai tanggungjawab ini hendaklah ada dalam diri setiap masyarakat kerana ianya adalah sebuah nilai yang dapat menunjukkan diri kita adalah sebagai seorang yang sangat memenuhi tanggungjawab dan dapat melakukan tanggungjawab yang diberi dengan baik dan amanah.

AHMAD BUKHARI: Sebulan kemudian abang ambil cuti empat hari. Dan selama empat hari empat malam abang bekerja keras turun ke sawah bendang, membajak dan menabur benih di empat penjuru alam. Benih abang tertanam di tanah yang subur, cukup baja, cukup air dan cahaya. Hari raya tahun seterusnya abang balik beraya bawa kereta mewah dengan empat orang isteri masing-masing meriba anak kecil berusia dua bulan, dua lelaki dan dua perempuan.

(OTG (2015: 140 & 141))

Berdasarkan petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Abang Bakti merupakan seorang anak yang bertanggungjawab terhadap kedua ibu bapanya kerana beliau sanggup mengambil cuti untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai anak kepada mak dan abahnya dan tanggungjawab sebagai suami kepada isteri-isterinya. Oleh itu, ianya menunjukkan bahawa beliau seorang yang bertanggungjawab tanpa mengira waktu dan sanggup meninggalkan kerja demi tanggungjawab itu.

h) Nilai Bijaksana

Nilai bijaksana merupakan nilai murni yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat*. Nilai bijaksana ini juga adalah sebuah nilai yang terdapat dalam diri seseorang yang menunjukkan bahawa mereka adalah mempunyai akal yang cerdas dan bijak berfikir dalam melakukan sesuatu perkara dalam hidup.

JAMIL : Saya nak bikin filem pak!

DATUK JAY: Filem??

JAMIL : You see pak! Nowadays, filem ni dah jadi mainan orang-orang berpangkat. Bapak pun patut masuk sama, jadi producer, nanti bapak jadi terkenal, orang surat khabar cari bapak, orang radio, orang tv, semua cari bapak....

(Kumpulan Drama Dunia Belum  
Kiamat (2015: 203))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Jamil seorang yang mempunyai pemikiran yang bijak dimana dia berfikir dan merancang untuk membikin filem dan dia menyatakan hasrat tersebut kepada bapanya Datuk Jay namun dibantah oleh beliau.

#### i) Nilai Berdisiplin

Nilai berdisiplin merupakan salah satu daripada nilai murni yang terdapat dalam teks drama ini. Nilai berdisiplin ini adalah sebuah nilai yang harus diterapkan ke dalam diri setiap insan agar dapat membentuk sahsiah diri menjadi baik dan disukai ramai orang. Hal ini dapat dilihat melalui teks drama *Menunggu Lampu Hijau* seperti di bawah:

AHMAD BUKHARI: Tapi abang pandai mendisiplinkan isteri dan anak-anaknya. Siap pakai wisel lagi. Cantik! Anak-anak dia berderet turun van, siap jalan berbaris lagi. Semua pakai baju Melayu

dan baju kurung seragam, termasuk dia dan empat isterinya.

(OTG (2015: 139))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Ahmad Bakti iaitu abang kepada Ahmad Bukhari adalah seorang yang berdisiplin dan dia juga mengajarkan dan menunjukkan nilai disiplin tersebut kepada anak-anaknya dan isteri-isterinya juga. Contoh seperti ini dapat diambil sebagai teladan kepada generasi akan datang dan golongan muda pada masa kini.

j) Nilai Bersyukur

Nilai bersyukur juga merupakan nilai murni yang terdapat dalam teks drama *Menunggu Lampu Hijau*. Nilai ini sangatlah perlu diterapkan dan ditanam dalam diri supaya kita sebagai manusia sering bersyukur dengan segala apa yang ditentukan oleh Allah SWT dan hendaklah menerima sesuatu takdir itu dengan redha. Contoh penggunaan nilai bersyukur dapat dilihat melalui teks drama adalah seperti berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA: Kita ibu tunggal ni kena sedar diri. Bila kita dah kena cerai, kena tinggal, kena macam-macam, kita dapat banyak pelajaran. Kita jadi sedar diri dan bersyukur bila ada orang hulur tangan nak tolong. Kita jadi bersemangat bila ada orang sanggup nak buat bini lagi sekali. Orang kita ni, mana nak suka kahwin janda, tambah kalau janda dah beranak pinak.

(OTG (2015: 143))

#### 4.2.2 Pengajaran

#### a) Saling Membantu

Antara pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* adalah kita mestilah saling bantu-membantu antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap saling membantu ini perlulah diterapkan dan diamalkan dalam kehidupan selalu kerana ianya dapat memberikan pengajaran dan kebaikan yang berkesan kepada kehidupan kita. Pengajaran ini juga telah dikenalpasti dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* iaitu dimana Mak Munah, Dollah dan Pak Alim saling membantu Jamil yang telah mengalami kecederaan akibat jatuh motor iaitu dengan menyapu ubat pada luka-luka di tangan dan kaki Jamil.

Selain itu, contoh pengajaran yang menunjukkan sikap saling membantu antara satu sama lain juga dapat dilihat melalui teks drama *Menunggu Lampu Hijau* iaitu dimana Ahmad Bakti telah mengambil ibu-ibu tunggal untuk dijadikan sebagai isteri-isteri beliau. Hal ini kerana, beliau berasa kasihan dan beliau juga ingin meringankan beban yang ditanggung oleh mereka dalam membesarkan anak-anak mereka serta tidak mahu ibu-ibu tunggal itu tersalah pilih lelaki di kemudian hari. Oleh itu, jelaslah bahawa, pengajaran yang diperoleh melalui teks-teks drama ini dapat memberi kesan yang baik kepada pembaca dan pengkaji.

#### b) Saling Menolong

Selain itu, antara pengajaran yang terdapat dalam teks drama ini juga adalah kita mestilah menolong orang yang dalam kesusahan. Sikap saling menolong orang ini merupakan amalan yang sering diamalkan dalam diri setiap masyarakat. Contohnya adalah dapat dilihat melalui teks drama *Dunia Belum Kiamat* iaitu Pak Alim yang telah memberi pinjam duit



kepada Datuk Jay semasa beliau dalam keadaan susah dimana mereka semua berfikir bahawa dunia akan kiamat. Oleh itu, jelaslah bahawa, pengajaran ini mestilah diamalkan selalu dalam kehidupan kita untuk kemudahan masa hadapan generasi akan datang.

c) Berfikiran Terbuka

Di samping itu, antara pengajaran yang terdapat dalam teks drama adalah kita hendaklah sentiasa berfikiran terbuka dalam melakukan sesuatu keputusan. Hal ini adalah dimana kita mestilah sentiasa berfikiran positif dalam mencapai apa yang diinginkan dalam kehidupan. Melalui teks drama *Menunggu Lampu Hijau*, ianya menceritakan berkaitan seorang lelaki bernama Ahmad Bakti iaitu seorang lelaki yang telah mengahwini empat orang janda yang datang daripada pelbagai sejarah hidup iaitu janda yang diceraikan, janda yang ditinggalkan dan lain-lain. Beliau sentiasa berfikiran positif dan tidak menghiraukan apa yang ingin dikatakan oleh orang ramai tentangnya. Keputusan yang diambil dan dibuat oleh beliau adalah sebuah keputusan yang memuaskan hatinya dan ianya membahagiakan hidupnya. Jelaslah bahawa, sentiasa berfikiran terbuka adalah sebuah pengajaran yang dapat diambil sebagai panduan dalam hidup.

d) Memelihara Hubungan

Seterusnya, antara pengajaran yang terdapat dalam teks drama adalah kita hendaklah menjaga hubungan silaturrahim antara masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, hubungan antara masyarakat itu sangat penting untuk diterap dan disemai dalam diri supaya ianya dapat memberi

faedah yang baik kepada kita. Contohnya, hendaklah sentiasa bersifat murah hati dan peramah dengan orang sekeliling sebagaimana yang dinyatakan dalam teks drama *Menunggu Lampu Hijau* iaitu Ahmad Bakti yang sangat baik dan peramah dengan anak-anak yatim dimana beliau sentiasa membawa anak-anak yatim keluar untuk berbuka puasa menikmati juadah yang enak dalam bulan Ramadan. Beliau tidak menghabiskan harta kekayaannya ke arah yang bukan-bukan sebaliknya berkongsi rezeki dengan ramai orang. Jelaslah bahawa, sifat yang ditunjukkan Ahmad Bakti menunjukkan bahawa beliau menjaga hubungan yang baik dengan masyarakat.

e) Taat/Patuh

Akhir sekali, antara pengajaran yang terdapat dalam teks drama adalah taat terhadap arahan yang diberi oleh ketua atau bos semasa bekerja. Hal ini dapat dikaitkan melalui teks drama *Dunia Belum Kiamat* iaitu Mak Munah, Pak Alim dan Dollah yang sentiasa taat dan patuh akan arahan yang diberikan oleh Datuk Jay dalam melakukan pekerjaan di rumahnya. Ianya juga kerana, Datuk Jay adalah seorang yang baik dalam menjaga kebajikan pekerjaannya. Jelaslah bahawa, taat dan patuh arahan bos atau ketua dalam melakukan kerja merupakan pengajaran yang dapat diambil dan dijadikan panduan dalam hidup.

### **4.3 Kesan yang diperolehi melalui Nilai Murni dan Pengajaran yang terdapat dalam Teks Drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*.**

#### **4.3.1 Melahirkan Rasa Keinsafan Dalam Diri**

Antara kesan yang diperolehi masyarakat melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* adalah melahirkan rasa keinsafan dalam diri. Nilai murni dan pengajaran ini amatlah penting untuk diterapkan dalam diri setiap manusia kerana ianya dapat memberikan aura dan sifat yang positif dalam diri kita sendiri. Melalui nilai murni dan pengajaran yang diperolehi ini ianya dapat memberi rasa insaf dalam diri pengkaji itu. Kadangkala, sesetengah manusia berpendapat dan merasakan bahawa dirinya begitu insaf dan sedar akan kesilapan lalu melalui nilai murni dan pengajaran yang mereka perolehi ini.

Rasa keinsafan dalam diri ini adalah sebuah sifat semulajadi yang dapat dirasakan oleh setiap manusia dimana mereka berasa menyesal dengan tindakan atau perbuatan yang lalu yang telah dilakukan oleh mereka. Oleh itu, perkara ini dapat dijelaskan bahawa melalui teks drama *Dunia Belum Kiamat* ini, mereka berasa insaf apabila keadaan atau suasana kehidupan mereka hampir berubah dimana mereka putus bekalan elektrik dan air serta kenderaan di jalan tidak kelihatan. Contoh dialog daripada teks drama *Dunia Belum Kiamat* adalah:

Datuk Jay: Betul!!!... Semua orang jangan ke mana-mana ... duduk dalam rumah ... baca doa!

Pak Alim : Doa??

*(Datuk Jay naik semula. Jamil muncul dari dapur diikuti Dollah, Mak Munah dan Katie. Tangan Jamil dipakaikan 'sling bandage' dan dahinya berbalut).*

Pak Alim : Saya ada nak sampaikan pesan dari ketua rumah ni, semua orang tak dibenarkan keluar dari rumah. Dunia nak kiamat.

(Kumpulan Drama Dunia

Belum Kiamat (2016: 210 & 211))

Melalui petikan dialog di atas, pengkaji dapat merasakan bahawa nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama ini dapat melahirkan rasa keinsafan dalam dirinya dimana ia juga dapat memberi impak yang positif dalam kehidupan sendiri dan mengubah kehidupan menjadi lebih baik dan positif.

#### 4.3.2 Dapat Menyatukan Hubungan Silaturahmi Sesama Manusia

Selain itu, kesan yang diperoleh melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* adalah dapat menyatukan hubungan silaturahmi sesama manusia. Nilai-nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks-teks drama ini dapat menyatukan hubungan silaturahmi sesama insan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap manusia mestilah mempunyai kisah hidup yang tersendiri dimana ianya bersifat positif atau negatif, namun melalui nilai-nilai murni dan pengajaran ini pengkaji dapat belajar satu perkara dimana hubungan silaturahmi sesama manusia itu adalah sangat penting kerana ianya dapat menyatukan ukhuwah yang terputus disebabkan beberapa perkara yang negatif.

Sebagai contoh, melalui nilai toleransi yang terdapat dalam teks drama *Menunggu Lampu Hijau* ini dapat menyedarkan diri pengkaji bahawa kita hendaklah sentiasa bersikap toleransi antara satu sama lain kerana ianya dapat mengeratkan dan menyatukan hubungan silaturahmi sesama manusia tidak kira muda atau tua. Hal ini kerana, sikap toleransi adalah sebuah sikap bertolak ansur antara satu sama lain supaya ianya dapat sama-sama kita mengeratkan hubungan sesama manusia walaupun tidak mengenali antara

satu sama lain. Contoh dialog daripada teks drama *Menunggu Lampu Hijau* adalah seperti berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai JIRAN: Berbaloi kau tunggu begitu punya lama Sepia! Kau dapat dua belas cucu sekali gus!

AHMAD BUKHARI: Abang terus memujuk mak dengan bermacam-macam ayat yang *power* tentang kebajikan kepada anak-anak yatim. Mak diam. Mengia pun tidak, menolak pun bukan. Tapi akhirnya mak meluahkan perasaan:

AHMAD BUKHARI sebagai MAK: Itu semua bukan cucu aku! Bukan darah daging aku. Aku nak cucu aku daripada zuriat kamu, daripada benih kamu!

\*\*\*\*\*

AHMAD BUKHARI: Sebulan kemudian abang ambil cuti empat hari. Dan selama empat hari empat malam abang bekerja keras turun ke sawah bendang, membajak dan menabur benih di empat penjuru alam. Benih abang tertanam di tanah yang subur, cukup baja, cukup air dan cahaya. Hari Raya tahun seterusnya abang balik beraya bawa kereta mewah dengan empat orang isteri masing-masing meriba anak kecil berusia dua bulan, dua lelaki dan dua perempuan. Dua belas orang anak-anak lain tak ikut.

\*\*\*\*\*

AHMAD BUKHARI: Selepas tarikh itu barulah mak menerima semua kedua belas kanak-kanak daripada empat ibu tunggal itu sebagai cucunya. Dan setiap kali Hari Raya rumah mak dan abah akan riu-rendah.

(OTG (2015: 140 & 141))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dijelaskan bahawa dengan adanya usaha Abang Bakti untuk mendapatkan anak dari benihnya sendiri itu dapat memberikan kesedaran kepada maknya dan dapat menyatukan kembali hubungan silaturahim antara maknya dengan anak-anak tirinya iaitu anak-anak daripada empat orang isterinya. Perbuatan ini juga mengajar pengkaji untuk sentiasa bersabar dan kesan nilai murni dan pengajaran daripada

kedua-dua teks drama ini memberi kesan positif kepada pengkaji untuk menyatukan hubungan silaturahim antara sesama manusia. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* dapat menyatukan hubungan silaturahim sesama manusia tidak kira muda atau tua.

#### 4.3.3 Mengajar Diri Sentiasa Berbuat Baik Sesama Insan

Di samping itu, kesan yang diperoleh melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* adalah mengajar diri sentiasa berbuat baik sesama insan. Melalui nilai-nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam kedua-dua teks drama tersebut adalah dapat dijelaskan bahawa ianya dapat mengajar diri sentiasa berbuat baik sesama insan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebaikan dalam diri setiap manusia itu hendaklah diterap dan diamalkan selalu kerana ianya dapat memberi kebaikan kepada diri kita juga.

Nilai-nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks-teks drama tersebut mengajar diri pengkaji menjadi seorang yang baik hati dalam semua perkara. Sikap baik hati ini perlu kita amalkan dalam kehidupan tanpa mengira keadaan dan tanpa mengira siapa pun orang yang kita hadapi. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika kita sentiasa berbuat baik dengan manusia di sekeliling kita nescaya kita akan sentiasa hidup dalam kebaikan dan dipuji selalu. Kebaikan kita ini juga akan membawa kepada perkara yang baik dalam hidup kita kerana andai kita berada dalam kesusahan, manusia lain mesti akan tolong kita. Contoh dialog dapat dilihat melalui teks drama *Dunia Belum Kiamat* adalah seperti berikut:

Pak Alim: Kau bagi lagi dia pinjam duit!



Dollah : Aku kesian!

Pak Alim: Dia anak orang kaya, bapak dia banyak duit.

Dollah : Tu duit bapak dia.

Pak Alim: Mintaklah dengan bapak dia.

Dollah : Ala ... apa kau sibuk-sibuk. Dia pinjam saja!!

(Kumpulan Drama Dunia

Belum Kiamat (2016: 206))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dirumuskan bahawa Dollah sanggup memberi pinjam duit kepada Jamil walaupun Jamil kadangkala sering menyakitkan hati dia sepanjang dia bekerja di rumah itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun seseorang itu tiada pertalian yang rapat dengan kita dan dia mempunyai pangkat besar daripada kita, serta dia sering menyakitkan hati kita, kita mestilah melakukan kebaikan dan berbuat baik kepada mereka. Dengan kebaikan yang kita buat ini juga dapat mengubah hati seseorang itu menjadi baik. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai-nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* memberi kesan baik kepada pengkaji iaitu mengajar diri sentiasa berbuat baik sesama insan.

#### 4.3.4 Memberi Iktibar Kepada Orang Lain

Seterusnya, antara kesan yang diperoleh melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* adalah memberi iktibar kepada orang lain. Nilai murni dan pengajaran adalah suatu perkara yang memberi sebuah kebaikan kepada masyarakat kerana melalui nilai murni dan pengajaran ini kita dapat

mempelajari suatu perkara yang positif. Melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* ini, ianya dapat memberikan iktibar kepada pengkaji dan juga orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui nilai-nilai murni dan pengajaran-pengajaran yang diperolehi itu memberikan satu pelajaran atau iktibar kepada pengkaji agar sentiasa melakukan perkara yang baik-baik dan positif dalam kehidupan.

Selain itu, melalui kesan ini juga pengkaji dapat belajar untuk sentiasa menjadi orang yang membawa kebaikan kepada orang lain. Sebagai contoh, ianya dapat diambil daripada teks drama *Menunggu Lampu Hijau* dimana Abang Bakti adalah sebuah manusia yang menjadi contoh untuk orang lain menjadi sepertinya seperti mana yang dikata oleh adiknya iaitu Ahmad Bukhari. Hal ini dikatakan demikian kerana, Abang Bakti adalah seorang manusia yang sangat pemurah dan baik terhadap isteri-isterinya dan juga orang sekelilingnya termasuklah pekerja-pekerjanya dan adik-adiknya. Contoh dialog adalah seperti berikut:

*(Di kawasan kerja dan pejabat.)*

AHMAD BUKHARI: Abang seorang yang pandai melihat potensi seseorang, terutama isteri-isterinya. Dia bagi peluang dan bahu sokongan penuh. Abang ada kilang jahit baju kurung, baju Melayu, baju kebaya sulam yang bosnya Kak Norma. Ada kilang buat kek dan biskut dan bosnya Kak Habibah. Ada kilang produk kecantikan ubat-ubatan tradisional dan bosnya Kak Rozita. Dan ada kilang proses bahan masakan, cili boh, bawang putih, bawang merah, halia, kunyit, lengkuas. Pendek kata semua bahan keperluan dapur, dan bosnya Kak Gaya.

\*\*\*\*\*

AHMAD BUKHARI: Keutamaan tetap diberikan kepada ibu tunggal. Selepas sepuluh tahun, abang dah beli tanah serratus ekar dan buat empat rumah *cluster*. Semua adik-beradik tabik *spring* dengan dia. Abang melantik adik-adiknya sebagai ahli Lembaga Pengarah Syarikat dengan dibayar elaun bulanan dan diberikan kereta.

Melalui petikan dialog di atas, dapat dijelaskan bahawa tindakan dan sikap yang ditunjukkan oleh Abang Bakti terhadap isteri-isterinya dan adik-beradiknya dapat memberi kesan baik kepada pengkaji untuk menjadi seperti itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap beliau ini menjadi iktibar kepada orang lain iaitu golongan masyarakat untuk menjadi seperti itu yang mempunyai sikap yang baik dan bertolak ansur dengan orang terdekat dan sekelilingnya. Oleh itu, jelaslah bahawa, melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* dapat dijadikan iktibar kepada orang lain untuk terus menjadi insan yang berguna dan lebih baik.

#### 4.3.5 Dapat Menjaga Ilmu dan Keperibadian Diri

Selain itu, antara kesan yang diperoleh melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* adalah dapat menjaga ilmu dan keperibadian diri. Ilmu dan keperibadian diri adalah dua perkara yang saling berkait antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesetengah manusia yang mempunyai ilmu yang baik sukar untuk mereka menjaga keperibadian diri mereka. Justeru mereka lebih suka menonjolkan diri mereka di khalayak tanpa merasa malu. Dunia pada masa kini lebih cenderung kepada pemikiran ilmu semata-mata namun mengabaikan keperibadian yang terdapat pada diri masing-masing.

Ilmu dan keperibadian diri adalah dua perkara yang harus dijaga demi untuk menjadi insan yang dipandang tinggi oleh masyarakat. Sebagai

contoh, melalui teks drama *Menunggu Lampu Hijau*, Abang Bakti mempunyai ilmu dan keperibadian diri yang baik dan beliau menjaganya dengan penuh kehormatan dan penuh dedikasi. Walaupun beliau seringkali dipuji oleh masyarakat dan keluarganya, namun beliau tidak berubah dan tidak riak, justeru mengubah diri menjadi lebih baik lagi. Contoh dialog adalah seperti berikut:

AHMAD BUKHARI sebagai KAK BIB: Abang Bakti adalah contoh seorang lelaki yang mengamalkan sikap, pandangan, pegangan dan amalan hidup yang sangat sederhana. Dia memang kaya, tapi dia tidak pernah berbangga diri, sombong atau menunjuk-nunjuk.

\*\*\*\*\*

AHMAD BUKHARI sebagai KAK BIB: Nasib baik Abang Bakti yang selalu mengingatkan kami. Harta kekayaan yang diperolehi datangnya daripada usaha yang direstui Allah. Rezeki yang melimpah-ruah itu wajib dikongsi bersama. Ramai umat manusia yang serba-serbi kekurangan. Bukhari akan terkejut kalau tengok jumlah zakat yang dibayar oleh Bakti Group of Companies setiap tahun. Setiap malam dalam bulan Ramadhan Abang Bakti pastikan untuk membawa anak-anak yatim menikmati juadah berbuka puasa beramai-ramai.

(OTG (2015:148))

Melalui petikan dialog di atas, dapat bahawa Abang Bakti itu seorang yang mempunyai ilmu dan keperibadian diri yang baik dan ia dapat memberi kesan positif kepada pengkaji daripada nilai yang dimiliki oleh Abang Bakti itu. Oleh itu, sebagai seorang yang baik kita hendaklah menjaga ilmu dan keperibadian yang terdapat dalam diri setiap insan itu agar terus menjadi insan yang mulia dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Jelaslah bahawa menjaga ilmu dan keperibadian diri adalah antara kesan yang diperolehi melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*.

#### 4.3.6 Mempelajari Sesuatu yang Baru dari Luar Jangkaan Manusia

Akhir sekali, antara kesan yang diperolehi melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* adalah dapat mempelajari sesuatu yang baru dari luar jangkaan manusia. Nilai murni dan pengajaran yang terdapat melalui teks-teks drama itu dapat memberikan sesuatu ilmu yang baharu kepada pengkaji seperti yang tidak disangka. Belajar sesuatu yang baru adalah sesuatu yang positif dalam kehidupan kini supaya ianya dapat memberikan sebuah kehidupan yang bahagia di samping sesuatu ilmu yang dipelajari.

Di samping itu, ilmu yang dipelajari ini dapat dijadikan sebagai pedoman atau panduan hidup untuk pengkaji dalam melalui kehidupan yang berliku ini. Nilai murni dan pengajaran ini juga dapat dikaitkan dengan kehidupan sendiri kerana nilai murni dan pengajaran ini dapat memberikan ilmu yang baik di samping membentuk jati diri dan sahsiah diri yang lebih baik. Sebagai contoh, ianya dapat dilihat melalui petikan dialog dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* seperti berikut:

Datuk Jay: Betul!!!... Semua orang jangan ke mana-mana ... duduk dalam rumah ... baca doa!

Pak Alim : Doa??

*(Datuk Jay naik semula. Jamil muncul dari dapur diikuti Dollah, Mak Munah dan Katie. Tangan Jamil dipakaikan 'sling bandage' dan dahinya berbalut).*

Pak Alim : Saya ada nak sampaikan pesan dari ketua rumah ni, semua orang tak dibenarkan keluar dari rumah. Dunia nak kiamat.

\*\*\*\*\*

(Montaj pengenalan Berita Terhangat TV4 muncul diikuti wajah pembaca beritanya yang tersengih-sengih.)

Pembaca Berita: Jangan susah hati! Bertenang, bertenang!! Dunia belum kiamat! Jangan suka dengar khabar angin! Maklum sajalah angin, sekejap bertiup ke sana sekejap ke sini! ..... Dunia belum kiamat, pemberita kami melaporkan keadaan di sekitar bandar raya kembali normal. Kedai-kedai dibuka dan orang ramai mulai sibuk seperti biasa. Kejap lagi matahari keluarlah! Jangan susah hati, dunia belum kiamat! Sekian, berita terhangat dari TV4.

(Kumpulan Drama Dunia

Belum Kiamat (2016: 210 & 225))

Melalui petikan dialog di atas, dapat dijelaskan bahawa setiap berita yang didengar itu hendaklah kita siasat secara terang terlebih dahulu sebelum dikongsi dengan orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, petikan dialog di atas menunjukkan bahawa ahli keluarga Datuk Jay gusar dan bimbang apabila melihat dan mengalami situasi terputus bekalan elektrik dan air serta keadaan di luar rumah begitu sunyi sepi. Pengkaji dapat mempelajari sesuatu yang baharu bahawa janganlah kita mengambil sesuatu tindakan jika ianya tidak sah dan tidak betul. Jelaslah bahawa, mempelajari sesuatu yang baru diluar jangkaan adalah antara kesan yang diperolehi melalui nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*.

#### 4.4 Perbezaan Nilai Murni dan Pengajaran Dalam Konteks Sastera

Nilai murni dan pengajaran merupakan dua unsur yang mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan ini dapat dikaji melalui beberapa ciri yang dapat kita ketahui bagaimana nilai murni dan pengajaran itu dapat dijelaskan



dan dijadikan sebagai pedoman atau tunjuk ajar kepada golongan masyarakat di luar sana terutamanya. Nilai murni adalah nilai yang dapat diterapkan ke dalam diri setiap insan sejak dari kecil sehingga dewasa yang diajar oleh ibubapa dan juga orang dewasa. Wan Mohd. Zahid (1988) mendefinisikan nilai murni sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Beliau juga mentakrifkan nilai murni sebagai nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama, untuk membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia. Oleh itu, nilai murni adalah sebuah nilai positif yang ditanam dalam diri bagi membentuk keperibadian yang baik. Manakala, pengajaran adalah suatu perkara yang kita belajar dan dapat daripada perbuatan negatif yang dilakukan oleh setiap insan dan masyarakat.

#### 4.4.1 Ciri Fizikal Nilai Murni dan Pengajaran

Selain itu, antara perbezaan nilai murni dan pengajaran adalah ciri fizikal nilai murni dan pengajaran. Nilai murni dapat dijelaskan dan dikenalpasti melalui perbuatan yang dilakukan oleh setiap insan di samping menerapkan nilai-nilai murni itu ke dalam setiap tindakan yang hendak dilakukan oleh mereka. Manakala, pengajaran pula dapat dikenalpasti dan dijelaskan adalah melalui apa yang kita dapat dan perolehi atau kita belajar melalui setiap perbuatan yang dilakukan dalam kehidupan. Sebagai contoh, dalam konteks sastera terdapat pelbagai nilai murni dan pengajaran yang dapat kita ambil sebagai contoh dan aplikasikan ke dalam setiap pembacaan kita melalui karya-karya sastera yang dibaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, contohnya dapat dilihat melalui teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan

*Menunggu Lampu Hijau* ini mempunyai pelbagai nilai murni dan pengajaran yang dapat dikenal pasti. Kita juga dapat membuat perbezaan yang ketara antara nilai murni dan pengajaran melalui teks-teks drama ini. Sebagai contoh, ianya dapat dilihat melalui petikan dialog berikut:

*(Tiba-tiba Jamil muncul di pintu membawa handle motosikal yang sudah bengkok dan sebiji tayarnya. Tangannya luka-luka. Pak Alim dan Dollah terkejut).*

Dollah : Ehh!! Kenapa ni Encik Jamil?

Pak Alim : Mak Munah!! Keluar kejap!

*(Mak Munah muncul semula dari dapur).*

Mak Munah: Ehh kenapa pula ni???

Dollah : Jatuhlah!! Apa lagi....

Mak Munah: Banyak ke lukanya? Mari Mak Munah basuh ... taruh ubat.

*(Mak Munah membawa Jamil ke dapur. Dollah mengikut sama. Datuk Jay melangkah).*

(Kumpulan Drama Dunia Belum

Kiamat (2016: 209 & 210))

Dollah : Kau pun tadi bagi pinjam duit pada Datuk aku tengok, apa janji Datuk pada kau?

Pak Alim: Aku tolong!! Dia dalam susah!

(Kumpulan Drama Dunia

Belum Kiamat (2016: 222))

Melalui kedua-dua petikan dialog di atas, dapat dijelaskan bahawa nilai murni dan pengajaran ini dapat dibezakan dari segi ciri fizikal yang dijelaskan iaitu melalui perbuatan yang dilakukan melalui teks drama tersebut. Oleh itu, melalui kedua-dua dialog di atas ianya menunjukkan bahawa nilai murni dan pengajaran yang diperolehi itu adalah daripada situasi yang berbeza-beza yang diperolehi oleh pengkaji melalui kajian ini. Jelaslah

bahawa, ciri fizikal nilai murni dan pengajaran merupakan perbezaan yang dapat dikenalpasti dalam konteks sastera.

#### 4.4.2 Cara Untuk Mengenalpasti Nilai Murni dan Pengajaran

Di samping itu, antara perbezaan nilai murni dan pengajaran adalah dapat dilihat melalui cara untuk mengenalpasti nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam petikan teks. Contohnya, nilai murni ini dapat dikenalpasti dan dijelaskan melalui carian isi yang terdapat dalam petikan teks itu yang disebut secara terang atau secara berkias. Manakala, pengajaran pula dapat dijelaskan dengan mengaplikasikan atau menjelaskan secara terperinci setiap apa yang kita dapat melalui petikan teks yang dibaca itu. Sebagai contoh, ianya dapat dilihat melalui petikan dialog berikut:

Pak Alim: Kau bagi lagi dia pinjam duit!

Dollah : Aku kesian!

Pak Alim: Dia anak orang kaya, bapak dia banyak duit.

Dollah : Tu duit bapak dia.

Pak Alim: Mintaklah dengan bapak dia.

Dollah : Ala ... apa kau sibuk-sibuk. Dia pinjam saja!!

(Kumpulan Drama Dunia Belum

Kiamat (2016: 206))

Melalui petikan di atas, dapat dijelaskan bahawa Dollah seorang yang terlalu baik hati sampaikan Pak Alim marah akan Dollah kerana terlalu baik dan terlalu bagi muka kepada Jamil untuk meminjam duitnya walhal Jamil adalah anak orang kaya. Petikan di atas juga menunjukkan ayat berkias atau ayat kiasan

dimana Dollah membalas kepada Pak Alim dengan mengatakan bahawa dia kesiankan Jamil oleh sebab itu dia memberi Jamil meminjam duitnya. Jelaslah bahawa, cara untuk mengenalpasti nilai murni dan pengajaran juga merupakan perbezaan antara nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera.

#### 4.4.3 Penggunaan Ayat atau Bahasa

Akhir sekali, perbezaan antara nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera ni adalah nilai murni adalah dapat dikenalpasti dan dijelaskan dengan menggunakan ayat atau bahasa yang ringkas seperti rajin, tolong-menolong dan lain-lain. Manakala, pengajaran pula dijelaskan dengan menggunakan ayat yang panjang seperti kita hendaklah bersikap saling tolong-menolong antara satu sama lain, dan banyak lagi. Nilai murni dijelaskan secara umum, manakala pengajaran pula dijelaskan secara dengan menggunakan ayat kita mestilah, kita hendaklah bagi menunjukkan bahawa setiap petikan teks yang kita baca itu memberikan pelbagai pedoman dan kesan yang baik kepada kita. Sebagai contoh, ianya dapat dilihat melalui petikan dialog berikut:

AHMAD BUKHARI: Tapi abang pandai mendisiplinkan isteri dan anak-anaknya. Siap pakai wisel lagi. Cantik! Anak-anak dia berderet turun van, siap jalan berbaris lagi. Semua pakai baju Melayu dan baju kurung seragam, termasuk dia dan empat isterinya.

(OTG (2015: 139))

Melalui petikan dialog di atas, ianya menunjukkan bahawa dialog tersebut menggunakan perkataan disiplin dimana ianya menunjukkan bahawa

nilai disiplin juga merupakan nilai murni yang terdapat dalam teks drama *Menunggu Lampu Hijau*. Oleh itu, jelaslah bahawa menggunakan ayat atau bahasa yang ringkas itu dapat membezakan antara nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera.

#### 4.5 Kesimpulan

Tuntasnya, dapatan kajian ini sangat penting dan sangat perlu dijelaskan dengan lebih terperinci supaya pengkaji dan pembaca akan datang dapat merujuk kajian ini dengan lebih baik dan dapat membantu mereka untuk membuat kajian penyelidikan dengan lebih baik di masa akan datang. Pengkaji telah menjelaskan dengan terperinci melalui dapatan kajian penyelidikan ini dimana dapatan yang diperolehi pengkaji ini cukup jelas untuk menjelaskan secara terperinci tentang tajuk kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji, pengkaji juga telah menjawab segala objektif-objektif kajian ini dengan jelas dimana objektif pertama iaitu nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*. Objektif kajian yang kedua adalah kesan yang diperolehi melalui Nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks-teks drama tersebut. Objektif kajian yang ketiga adalah perbezaan nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera. Jelaslah bahawa, nilai-nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* memberi kesan yang baik dan positif kepada pengkaji. Selain itu, nilai murni dan pengajaran juga mempunyai perbezaan yang ketara dalam mengenalpasti setiap kandungan yang terdapat dalam nilai murni dan pengajaran itu.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam penulisan kajian penyelidikan ini. Bab 5 ini pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan berkaitan perbincangan dan dapatan kajian yang diperolehi pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Selain itu, melalui bab ini juga pengkaji akan mengupas dengan lebih lanjut berkaitan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini. Antara perkara yang akan dijelaskan dalam bab 5 ini adalah rumusan kajian, cadangan dan kesimpulan keseluruhan kajian ini. Pada akhir rumusan ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan untuk diutarakan kepada pengkaji pada masa akan datang.

#### 5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini adalah berpandukan kepada dengan melihat tajuk yang dilakukan oleh pengkaji iaitu kajian terhadap nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan. Dapatan kajian telah mendapati bahawa terdapat tiga objektif kajian yang diketengahkan ke dalam kajian ini bagi mencapai matlamat utama kajian ini dilakukan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kajian ini dapat membuka mata ramai pihak untuk sedar akan kewujudan kajian ini dilakukan adalah kerana untuk melahirkan generasi yang berguna di masa akan datang. Secara keseluruhan, kajian ini telah membincangkan dan dibahagikan kepada lima bab untuk meneliti dan menjelaskan secara terperinci kajian ini. Antara bahagian yang terdapat dalam kajian ini adalah pengenalan, sorotan kajian lepas, metodologi kajian, dapatan kajian



dan kesimpulan. Kelima-lima bahagian ini membantu pengkaji dalam mencari maklumat berkaitan tajuk kajian yang dilakukan ini dan sangat penting dalam penulisan sesebuah kajian yang dilakukan bagi memenuhi matlamat kajian itu dilakukan.

Selain itu, kajian ini juga dilakukan adalah berdasarkan kepada 3 objektif iaitu untuk mengemukakan dan menganalisis nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengkaji kesan yang diperolehi daripada nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*. Akhir sekali, kajian ini juga adalah untuk mengkaji perbezaan nilai murni dan pengajaran dalam konteks sastera. Melalui dapatan kajian ini, pengkaji telah menjelaskan hasil yang diperolehi daripada kesemua objektif kajian yang didapati daripada kajian penyelidikan ini. Dapatan-dapatan kajian yang diperolehi ini menjawab kesemua kehendak matlamat dan objektif yang hendak dicapai menerusi tajuk kajian yang dilakukan ini.

### 5.3 Cadangan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan dan menjelaskan berkaitan beberapa cadangan bagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkenaan dengan nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*. Berdasarkan kepada hasil kajian, pengkaji mencadangkan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), para pelajar, dan pengkaji akan datang supaya memperbanyakkan lagi dan menambahkan lagi sumber dan bahan-bahan bacaan kepada generasi akan datang supaya mereka dapat menambahkan dan meningkatkan lagi industri sastera ke persada dunia.

### 5.3.1 Cadangan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dilakukan, pengkaji mencadangkan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) agar memperbanyakkan lagi dalam menerbitkan buku dan bahan bacaan berkaitan nilai murni dan pengajaran supaya masyarakat dan pelajar-pelajar dapat merujuknya dengan lebih mendalam dengan adanya buku dan bahan bacaan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui penerbitan bahan bacaan dan buku-buku berkaitan nilai murni dan pengajaran ini dapat memudahkan pelajar dan golongan masyarakat untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan cepat dan jelas. Oleh itu, berdasarkan hasil analisis kajian yang dilakukan oleh pengkaji itu menjelaskan bahawa nilai murni dan pengajaran ini sangat penting dan dapat membantu melahirkan masyarakat yang berkeperibadian mulia.

### 5.3.2 Cadangan kepada Pelajar

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dilakukan, pengkaji mencadangkan kepada pelajar agar mendalami sumber-sumber pendidikan sastera seperti teks drama ini dengan lebih meluas dan mengembangkannya dengan terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui teks drama ini pelajar-pelajar dapat memperoleh sesuatu ilmu yang baik itu dengan mudah dan cepat. Ia juga sekaligus dapat menjadikan bahan atau sumber rujukan sastera itu lebih meluas untuk didapati dan diperolehi pelajar-pelajar lain. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa teks drama ini dapat memberikan inspirasi kepada pelajar lain supaya mereka dapat menghasilkan karya mereka tersendiri melalui bahan bacaan teks drama ini. Ia juga dapat memperbanyakkan lagi karya-karya sastera daripada genre teks drama.

### 5.3.3 Cadangan kepada Pengkaji akan Datang

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dilakukan, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang supaya meneruskan dan memperbanyakkan lagi kajian berkaitan nilai murni dan pengajaran dalam teks drama dengan lebih meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kajian-kajian yang dilakukan ini dapat memberi kemudahan dan penjelasan yang baik kepada generasi yang akan datang untuk merujuk kajian yang dilakukan. Sebagai contoh, pengkaji akan datang juga disarankan untuk meneruskan kajian ini dengan lebih terperinci ke peringkat seterusnya seperti faktor nilai murni dan pengajaran dalam teks drama, kajian kepada analisis kesan nilai murni dan pengajaran dalam teks drama dan sebagainya. Oleh itu, berdasarkan hasil analisis kajian yang dilakukan dapat dijelaskan bahawa melalui kajian yang akan datang ini dapat memberikan pengkarya-pengkarya teks drama itu menghasilkan karya yang lebih baik dan menarik lagi kepada generasi akan datang.

## 5.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah lebih tertumpu kepada dua teks drama iaitu teks drama *Dunia Belum Kiamat* dan *Menunggu Lampu Hijau*, iaitu karya penulis sasterawan negara Hatta Azad Khan dengan mengaplikasikan kepada teori sosiologi melalui pendekatan fungsionalisme. Oleh itu, melalui kajian yang dilakukan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai nilai murni dan pengajaran yang dapat dijadikan sebagai pedoman dan diterapkan ke dalam kehidupan seharian kita. Kajian ini juga dilakukan adalah untuk meneliti sejauhmana penggunaan nilai murni dan pengajaran dalam teks drama ini

dapat diterapkan ke dalam diri golongan masyarakat pada masa kini. Selain itu, kajian yang dilakukan ini juga turut dapat membantu pengkaji akan datang untuk melakukan suatu analisis penyelidikan dengan lebih baik dan ia juga dapat meningkatkan industri kesusasteraan ke persada dunia dengan lebih cemerlang disamping meningkatkan dan mengubah pengetahuan serta persepsi masyarakat berkaitan ilmu kesusasteraan ini adalah sebuah ilmu yang baik dan berguna kepada masyarakat.

## RUJUKAN

- Amran, B. Z., & Abdullah, N. A. V. (2021). Perspektif Wanita Terhadap Poligami Dalam Skrip Monodrama Menunggu Lampu Hijau. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-12.
- Ariyani, N. I., & Nurcahyono, O. (2014). Digitalisasi Pasar Tradisional: Perspektif Teori Perubahan Sosial. *Jurnal Analisa Sosiologi*, 3(1).
- Bakar, R. A., & Shuhaimi, N. A. (2016). Falsafah Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Kumpulan Drama Dunia Belum Kiamat.
- Haji Othman, M. K. (2014). Hubungan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar. *Jurnal Pembangunan Manusia dan Komunikasi*, 81-92.
- Hatta Azad Khan. (2015). OTG. Perniagaan Normahs: Kuala Lumpur. p. 121-179.
- Hatta Azad Khan. (2016). Dunia Belum Kiamat: Kumpulan Drama. Harian (Zulfadzli) Sdn Bhd: Kuala Lumpur. p. 181-226.
- Madzlan, A. (2016). Pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama muzikal kampung baru/Madzlan Abet (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mahmud, R. H. (1998). Nilai-nilai murni dalam filem " Bukit Kepong" dan penggunaan filem dalam pengajaran (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Mangkek, S. A., & Abdullah, N. A. V. (2018). Sosiologi Dalam Filem Werewolf Dari Bangladesh (2015) Arahkan Mamat Khalid. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Mohamed, N. S., & Abdullah, N. A. V. (2020). Enam Elemen Aristotle Dalam Teater Menunggu Lampu Hijau. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1-13.

- Mohd Zaidin, N. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Nazaini, N. S., & Abdullah, N. A. V. (2020). Keunggulan Hatta Azad Khan Dalam Monodrama Menunggu Lampu Hijau. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4 (4), 1-13.
- Othman, M. K. H., Suhid, A., Rashid, A. M., & Roslan, S. (2015). Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 1-20.
- Rasyid, M. R. (2015). Pendidikan dalam Perspektif Teori Sosiologi. *AULADUNA: Jurnal Pendidikan Dasar Islam*, 2(2), 274-286.
- Selamat, J. H. (2001). Cerminan sosial dan nilai murni dalam novel-novel remaja (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Shaari, S., & Abdullah, N. A. V. (2020). Aspek Sosiologi Dalam Drama Buang Karya Roziah Adama. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-14.
- Suhaimy, K. A. M., & Noor, M. D. M. M. (2013). Meneroka kerangka analitikal teori sosiologi Max Weber dalam mengkaji pemikiran pembangunan Tun Dr. Mahathir Mohamad. *Journal of Techno Social*, 5(1).
- Sukri, F. E. M., & Abdullah, N. A. V. (2020). Adaptasi Skrip Ke Pentas: Menunggu Lampu Hijau Karya Hatta Azad Khan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-11.
- Umi Atikah, M. K. (2017). Kritikan sosial filem Talentime (2009)/Umi Atikah Mohd Kamil (Doctoral dissertation, University of Malaya).

#### Rujukan dari Internet

- Ain      Zelkifle.      (2012).      Maksud      Nilai.      Diakses      daripada  
<https://www.slideshare.net/ainzel/maksud-nilai>



- Alto Sax. (2014). Reka Bentuk Kajian. Diakses daripada <https://www.scribd.com/document/234887688/Reka-Bentuk-Kajian>
- Atok Shila. (2018). Contoh Metodologi Kajian. Diakses daripada <https://www.slideshare.net/atokshila/contoh-metodologi-kajian-109026820>
- Mazliza Suleiman. (2014). Kerja Kursus Kesusasteraan Melayu. Diakses daripada <https://www.slideshare.net/mazlizasuleiman/kerja-kursus-kesusasteraan-melayu>
- Md Hasri. (2013). Keunikan dan Keistimewaan Kesusasteraan. Diakses daripada [https://www.academia.edu/8060073/KESUSASTERAAN\\_MELAYU](https://www.academia.edu/8060073/KESUSASTERAAN_MELAYU)
- Mohd Faisal. (2012). Definisi Drama. Diakses daripada <https://www.scribd.com/document/499736863/Definisi-Drama>
- Mokmin Basri. (2012). Bab 4: Kaedah Kajian. Diakses daripada [https://www.researchgate.net/publication/283479198\\_Bab\\_4\\_Kaedah\\_Kajian](https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian)
- Momee Rain. (2012). Kajian Novel Tangisan Bulan Madu. Diakses pada Disember 15, 2020, daripada <https://www.slideshare.net/momeetry/dr-nik-sem-6>
- Mumtaz Ahmad Najhi bin Mohamed. (2019). Bab 3 Teori Kajian Sosial. Diakses daripada <https://www.slideshare.net/MUMTAZMOHAMED1/assignment-bab-3-teori-kajian-sosial>
- Nissha Johari. (2014). Sosiologi Sastera. Diakses daripada <https://www.scribd.com/document/248040610/SOSIOLOGI-SASTERA>
- Nur Hayati Ibrahim. (2013). Sejarah Perkembangan Sosiologi, Teori Sosiologi Sosiologi Pendidikan. Diakses daripada <https://www.slideshare.net/Nurhayatilbrahim/my-presentation-17134151>

Ruslee Salleh. (2012). Genre Kesusasteraan Melayu. Diakses daripada <https://www.slideshare.net/Asfanis4212/genre-kesusateraan-melayu>

Shuhairy Norhisham. (2019). Apakah Metodologi Kajian. Diakses daripada <https://www.pascasiswazah.com/apakah-metodologi-kajian/>

Sugiatno Sakidin. (2015). Apakah Teori Itu. Diakses daripada <https://www.slideshare.net/giatno/apakah-teori-itu>

Ustaz Kenali. (2013). Apakah Maksud Metodologi. Diakses daripada <https://ustazkenali.wordpress.com/2013/06/30/apakah-maksud-metodologi/>

Wan Mohd Kamarul Firdaus. (2015). Reka Bentuk Kajian Dr. Kamarul. Diakses daripada <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/reka-bentuk-kajian-dr-kamarul>

Wan Mohd Kamarul Firdaus. (2015). Pensampelan Dr. Kamarul. Diakses daripada [https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/pensampelan?next\\_slideshow=1](https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/pensampelan?next_slideshow=1)

<http://studentsrepo.um.edu.my/3391/6/Bab3.pdf>

<http://ngadapseni.blogspot.com/2013/11/menunggu-lampu-hijau.html>

[https://www.portal-ilmu.com/2020/01/teori-utama-sosiologi-fungsionalisme\\_12.html#](https://www.portal-ilmu.com/2020/01/teori-utama-sosiologi-fungsionalisme_12.html#)

<https://tirto.id/pengertian-sosiologi-dan-teori-teori-dasarnya-dari-para-ahli-f8Ty>

<https://sarjana.tripod.com/nilai3.html>

